

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

**FUNGSI REMEDIAL DAN DEVELOPMENTAL KEBAJIKAN
MASYARAKAT : SATU KAJIAN KES DI SLIM RIVER**

MUHAMAD SUHAIMI MUHAMAD SUKUR

No. Matriks : 59338

**Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi Dan Sosiologi
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur**

Sesi 1993/94

**Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya**

PENGHARGAAN

Ucapan Terima Kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Prof. Madya Dr. Abdul Hadi Zakaria yang banyak memberikan pandangan dan tunjuk ajar dalam menyudahkan Latihan Ilmiah ini.

Tidak ketinggalan juga diucapkan jutaan terima kasih kepada En. Shareff, Pegawai Kebajikan Daerah, Tapah dan juga En Murad, Pembantu Kebajikan Masyarakat, Slim River dan juga kakak Ani, Yusuff dan semua kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah.

Penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat daripada awal hingga ke akhir latihan ilmiah ini. Juga kepada semua teman-teman yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, tidak ketinggalan juga rakan sekuliah Wan, Mazlan, Zul, Kelana, Saidi, Hakka, Ita, Ida, Teratai, Erra dan Aza. Teman serumah Pecal, Mamat, Jeff, Koha, Ipin Zaki, Azahari dan Rashid. Senda gurau dan senyum tawa kalian menjadi inspirasi untuk meneruskan perjuangan mencapai kejayaan.

Akhirnya, Terima Kasih kepada Fadzillah Ismail (Rancangan Bahasa Melayu) atas kesudiannya menyemak tulisan ini daripada mula hingga akhir.

SENARAI GAMBARAJAH

	Halaman
1 Fungsi Remedial dan Developmental	12

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
SENARAI GAMBARAJAH	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SINOPSIS	iv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Masalah dan Bidang Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	3
1.4 Kaedah Penyelidikan	5
1.5 Kesulitan Semasa Kajian	7
1.6 Rangka Analisis	10
1.7 Operationalisation	20
BAB 2 SEJARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT	
2.1 Pendahuluan	24

2.2	Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2	24
2.3	Pimpinan Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2	29
2.4	Kebajikan Masyarakat Selepas Kemerdekaan 1957	32
2.5	Kebajikan Masyarakat Era 80 dan 90an	38
2.6	Perkembangan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2 Sehingga 1990	42
2.7	Kesimpulan	44

BAB 3 PROSES PERMOHONAN

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Pembantu Kebajikan Masyarakat	45
3.3	Cara Permohonan	46
3.4	Proses Temuduga	47
3.5	Temurancang	49
3.6	Lawatan Ke rumah	51
3.7	Menentukan Jenis Kes	53
3.8	Kelulusan	54
3.9	Kesimpulan	55

BAB 4 BANTUAN REMEDIAL

4.1	Pendahuluan	56
4.2	Program Jabatan Kebajikan Masyarakat	56
4.3	Perkhidmatan Sokongan	57
4.3(1)	Sokongan Material dan Non Material	57
(A)	Bantuan Kanak-kanak	58
(B)	Elaun Latihan Sambil Bekerja	63
(C)	Bantuan Orang Tua	66
(D)	Elaun Pekerja Cacat	69
(E)	Skim Bantuan Geran Pelancaran	70
4.4	Perkhidmatan Perlindungan	75
4.5	Perkhidmatan Gantian	76
4.6	Kesimpulan	77

BAB 5 BANTUAN DEVELOPMENTAL

5.1	Pendahuluan	78
5.2	Bantuan Developmental	78
5.3	Kesimpulan	83

BAB 6 KESIMPULAN

6	Kesimpulan	85
6.1	Cadangan.	90
	Bibliografi	92
	Lampiran	

SINOPSIS

Kebajikan Masyarakat menjalankan peranan yang amat berguna dalam pembangunan, di samping menyumbangkan segala tugas-tugas yang bertujuan untuk perubahan struktur dan pembangunan institusi. Dengan itu, Kebajikan Masyarakat ditafsirkan dengan pelbagai fungsi dan antara yang utama ialah fungsi Pemulihan (*remedial*) dan fungsi Pengembangan (*developmental*). Bab pertama merupakan latarbelakang kajian yang menjelaskan bidang kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, kaedah, masalah - masalah kajian dan juga rangka analisis. Bab dua pula melihat sejarah perkembangan kebijakan masyarakat selepas perang dunia ke dua sehingga tahun 1990an. Dalam tempoh masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diletakkan di bawah pelbagai jabatan dan kementerian. Sementara itu dalam bab tiga, menghuraikan proses permohonan bantuan kebijikan oleh klien. Apa yang menjadi asas perbincangan ialah cara permohonan yang dilakukan oleh klien, proses temuduga, temurancang, lawatan ke rumah dan seterusnya penentuan jenis kes oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Bab empat pula, menghuraikan program-program yang bertunjangkan fungsi remedial. Penelitian utama kepada fungsi remedial yang dibincangkan ialah perkhidmatan sokongan, perkhidmatan perlindungan dan gantian. Bab lima pula membincangkan fungsi developmental yang terdapat dalam kes-kes yang dikaji daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Slim River. Bab enam merupakan bab yang terakhir yang menyimpulkan perbincangan.

BAB 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Konsep dan maksud kebijakan sosial dalam konteks kajian saintifik sering dikaitkan dengan masalah sosial dalam masyarakat industri, kemiskinan, kesakitan atau penderitaan dan disorganisasi sosial yang wujud terus dalam sejarah manusia. Walaupun begitu peningkatan perindustrian dalam masyarakat industri di abad sembilanbelas dan duapuluh telah memunculkan banyak masalah sosial yang baru dalam institusi manusia yang tua-keluarga, kejiranan, dan komuniti setempat. Ini semua (institusi sosial) tidak cukup bagi masyarakat industri untuk menyelesaikan masalah sosial yang timbul dengan cepat dalam masyarakat. Lantaran itu, mereka memerlukan satu sistem perkhidmatan sosial yang dapat membendung gejala-gejala sosial yang wujud.¹

¹ Friedlander A. Walter and Apte Z. Robert, *Introduction to Social Welfare* (Fourth Edition) Englewood Cliffs, N.J. : Prentice-Hall, 1974, hlm. 4

Seterusnya dalam meneliti kebijakan sosial, H.M Cramton menjelaskannya sebagai:

"a system that embodies a multifaceted approach to social and economic problem, reflecting social values and using the expertise of interrelated disciplines for the collective good".²

Kemudiannya definisi ini telah diperjelaskan lagi oleh Walter Friedlander dalam bukunya 'Introduction to Social Welfare' sebagai:

"a system of laws, program, benefits, and services which strengthen or assure provision for meeting social need recognized as basic for the welfare of the population and for the functioning of the social order.³

1.2 Masalah dan Bidang Kajian

Masalah kajian yang ingin dipaparkan, ialah melihat sejauh mana kewujudan fungsi remedial dan developmental dalam kebijakan masyarakat. Dalam usahanya ke arah membantu masyarakat mencapai kesejahteraan, pelbagai program dirancang dan dilaksanakan. Tumpuan kepada program ini menyebabkan permasalahan kajian tertumpu kepada sejauh mana terdapatnya fungsi remedial dan developmental dalam sesuatu program yang dilaksanakan.

² Crampton H. M and Keiser K.K, *Social Welfare : Institution and Process* New York: Random House, 1970. hlm. 5.

³ Friedlander, *op. cit.*, hlm. 4.


Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian kes bertempat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Slim River. (petal). Tujuan kajian ini ialah melihat bagaimana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Slim River merealisasikan fungsi kebijakan masyarakat amnya. Ia bertujuan melihat sama ada fungsi remedial dan developmental dilaksanakan dijabatan ini.

Seterusnya dalam meneliti tanggungjawab Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Batang Padang Tapah, Daerah Slim River dan pelaksanaan terhadap fungsi remedial dan developmental, pengkaji juga melihat masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat. Ini kerana Pembangunan Masyarakat adalah satu usaha utama dalam bidang yang melibatkan masyarakat secara langsung demi kemajuan mereka. Kajian ini juga akan meneliti segala aspek yang dijalankan oleh jabatan ini dalam memenuhi tanggungjawab terhadap kebijikan masyarakat didalam daerahnya. Ringkasnya pengkaji ingin meneliti fungsi remedial dan developmental kebijikan masyarakat dalam konteks pelaksanaannya di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Slim River.

1. 3 Kepentingan Kajian.

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan. Ekoran daripada kepesatan pembangunan negara, manusia berlumba-lumba mencari kesenangan dalam hidup, walaupun begitu terdapat juga mereka yang memerlukan bantuan sama ada secara

Peta 1: Kawasan Kajian



Skala, 1: 200,0

Sumber: Sem. Malaysia: Perak edisi 2- PPNM

langsung atau tidak langsung terutama daripada pihak yang bertanggungjawab. Dalam konteks kajian ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan penting dalam membantu mengurangkan beban terhadap mereka yang terlibat.

Selain itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah sering disalahanggap dan disalah tafsirkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Penerimaan yang negetif terhadap jabatan ini disebabkan ketidaklancaran sesuatu program yang dilaksanakan dan masalah-masalah yang dihadapi ketika berdepan dengan masyarakat. Penerimaan masyarakat terhadap jabatan ini juga berbeza-beza. Masyarakat hanya melihat Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menyumbangkan bantuan kewangan kepada orang-orang tua yang tidak berdaya, mereka yang miskin dan mereka yang cacat. Pemahaman terhadap fungsi yang lebih luas tidak diketahui secara umum oleh masyarakat.

Seterusnya, penentuan terhadap dasar Kebajikan Masyarakat oleh pihak yang bertanggungjawab perlu meneliti faktor kebudayaan, adat-resam masyarakat berbilang kaum yang terlibat. Sekiranya terdapat kesan sesuatu kebudayaan akan menyebabkan sukar bagi pihak yang terlibat untuk merancang sesuatu program yang dilaksanakan. Ringkasnya sesuatu program yang dilaksanakan perlulah diteliti terlebih dahulu sama ada sesuai dengan adat resam dan budaya masyarakat yang terlibat.

Penyelidikan ini juga penting kepada tujuan-tujuan perancangan sosial, kerana ia dapat menghubungkan dan mengimbangi apa yang dicari, diharapkan itu mempunyai hubungan dengan apa yang ada dalam masa yang ditentukan, perancangan tenaga manusia, pelaburan ekonomi menentukan keutamaan sosial.⁴ Oleh itu perancangan memainkan peranan yang penting dalam sesuatu pelaksanaan.

Selain itu, pembangunan masyarakat yang berkaitan dengan organisasi masyarakat, umpamanya di kawasan-kawasan yang 'miskin', tuju arah untuk membangkitkan keupayaan 'berdikari' dan 'maju', perlu dalam konteks masyarakatnya.

1.4 Kaedah Penyelidikan

Kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini merupakan satu kajian kes. Oleh itu pengkaji menggunakan metodologi yang sesuai untuk mengumpulkan maklumat dan data. Antara metodologi yang digunakan ialah temubual, pemerhatian, penyelidikan perpustakaan termasuk kajian dokumen.

Temubual (interview), digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pembantu Kebajikan Masyarakat dan juga responden-responden yang terlibat, terutamanya program dan fungsi kebajikan

⁴ Wan Azmi Ramli, *Dasar Sosial di Malaysia..* Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise 1982 hlm. 19

masyarakat yang berhubungkait dengan pelaksanaan program yang dijalankan. Kaedah ini memberi kelonggaran kepada penyelidik untuk menyiasat dengan teliti untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang lebih khusus dan boleh mengulangi sesuatu soalan itu apabila jawapan yang diperolehi itu menunjukkan responden tersalah faham.⁵

Kaedah pemerhatian, bertujuan untuk melihat dan memerhatikan perkembangan dan pelaksanaan program yang dijalankan. Penyelidik akan pergi ke kawasan-kawasan yang tertentu dan memerhatikan perjalanan sesuatu program yang dilaksanakan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Kaedah ini juga digunakan bersama kajian dokumen.⁶

Penyelidikan perpustakaan dilakukan bertujuan untuk mendapatkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Umpamanya fungsi dan sejarah latarbelakang kebajikan masyarakat itu sendiri. Penyelidik menggunakan kemudahan Perpustakaan Universiti Malaya dan pusat penyelidikan di Kuala Kubu Bharu, Ibu pejabat di Kuala Lumpur, Arkib Negara dan pihak-pihak yang bersangkutan. Sementara itu Kajian Dokumen pula bertujuan mendapatkan data dan maklumat bertulis daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan pihak-pihak yang bersangkutan dalam kajian ini. (lihat lampiran 1, carta Organisasi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Batang Padang).

⁵ Kennet Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, (terj. Hashim Awang), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984 hlm. 284.

⁶ Kennet Bailey, *ibid.*, hlm. 390.

1.5 Kesulitan Semasa Kajian

Pada peringkat awal, iaitu semasa diperingkat perbincangan dengan penyelia, penyelidik berhadapan dengan masalah bahan bacaan. Ini kerana, pada peringkat awal penyelidik menggunakan kemudahan di Perpustakaan Universiti Malaya. Oleh kerana gagal memperolehi bahan bacaan seperti yang terdapat dalam senarai bahan bacaan. Penyelidik terpaksa menggunakan bantuan pertugas di perpustakaan untuk mencarinya. Bagaimanapun penyelidik berjaya mendapatkan buku-buku tersebut.

Selain itu, penyelidik juga menggunakan kemudahan Pusat Penyelidikan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kuala Kubu Bharu yang begitu jauh daripada Kuala Lumpur. Untuk sampai ke sana penyelidik menghabiskan RM 12.00 untuk tambang bas dan teksi setiap hari. Di sini Penyelidik mendapat banyak bahan bacaan, risalah, buku, buletin dan juga laporan tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Fokus kajian perpustakaan ini bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan sejarah kebajikan itu sendiri tetapi juga dasar-dasar kebajikan masyarakat. Penyelidik tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan di sini kerana ia dibuka pada waktu pejabat sahaja sedangkan untuk sampai ke sana penyelidik terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk perjalanan terutamanya untuk menaiki bas.

Selain itu, Penyelidik juga menggunakan kemudahan Arkib Negara. Di sini penyelidik dapat mengkaji laporan tahunan sejak daripada tahun 1948. Apa yang menjadi masalah di sini, ialah proses untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut adalah agak lama, adakah diantara 30-60 minit untuk sampai ke tangan penyelidik daripada petugas yang ditugaskan. Kemudahan photocopy yang mahal iaitu 50 sen setiap helaian menyebabkan penyelidik terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk mencatatkan isi-isi yang berkaitan. Selain daripada itu penyelidik juga menggunakan kemudahan perpustakaan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Oleh kerana kajian yang dijalankan ialah untuk melihat pelaksanaan fungsi remedial dan developmental, maka penyelidik menyediakan soalselidik berdasarkan temubual formal serta tidak formal. Sebelum kajian dijalankan, penyelidik menghadapi masalah tidak mengetahui apakah bentuk soalan yang sepatutnya ditanya. Apabila penyelidik menjalankan kerja lapangan, penyelidik mendapatkan maklumat secara tidak formal dengan mengikut Pekerja Kes menjalankan tugasnya. Penyelidik memerhatikan tugas-tugas yang dijalankan berdasarkan maklumat awal yang diberi oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Batang Padang iaitu En. Shareef Kamaruddin mengenai bidang kuasa Pekerja Kes. Berpandukan ini Penyelidik membentuk banyak soalan yang dijawab dalam temubual tidak formal.

Penyelidik tidak menjalankan kajian awal secara formal. Sebelum tajuk ini dipilih penyelidik melihat senarai-senarai Latihan Ilmiah yang dapat dijadikan panduan. Walau bagaimanapun tidak terdapat latihan ilmiah yang melihat akan pelaksanaan fungsi remedial dan developmental di peringkat Pejabat Kebajikan, apa yang ada hanyalah di peringkat institusi.

Dalam soal pengendalian soalselidik terutamanya temubual secara tidak formal, penyelidik dengan sedar berusaha untuk tidak "bias" ataupun mempengaruhi Pekerja Kes. Data-data dipungut selama satu bulan sama ada dalam bentuk formal dan tidak formal sewaktu bersama Pekerja Kes. Penyelidik juga terpaksa berulang alik ke Pejabat Kecil Kebajikan Masyarakat di Slim River mengikut "Office Hours" semata-mata untuk memerhatikan fungsi remedial dan developmental dalam program-program yang dijalankan.

Penyelidik mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, walaupun pada peringkat awalnya penyelidik tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan masyarakat, masalah ini telah dapat diselesaikan dengan penyelidik pergi sendiri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat di Wisma Shen, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Di peringkat Pejabat Kebajikan pula, Penyelidik dapat menawan hati Pegawai Kebajikan Masyarakat. Penyelidik dan Pegawai dapat berbincang dan bertukar fikiran sambil minum dan makan roti canai. En.Shareff anak kelahiran Batang Kali, Selangor

banyak membantu dalam memberikan data-data penting dalam buku laporan kewangan tahunan Pejabat Kebajikan.

Di peringkat Pembantu Kes pula, Penyelidik dan Pembantu Kes adalah seperti seorang kawan. Penyelidik dapat meminjam fail-fail sulit responden dan di bawa pulang untuk diteliti dan di analisis. Penyelidik juga mengikut Pembantu Kes ke mana sahaja kerja luar yang dijalankan oleh pembantu kes dengan menaiki keretanya. Selain itu Pembantu Kes banyak membantu Penyelidik dengan memperkenalkan kepada pihak-pihak tertentu sebagai kenalan tidak formal contohnya Penghulu Behrang-Tg Malim.

Di pihak responden pula, pengkaji dapat menyesuaikan diri terutamanya sewaktu lawatan ke rumah dilakukan oleh Pembantu Kebajikan. Pengkaji mengambil kesempatan ini untuk beramah mesra dan sekaligus mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

1.6 Rangka Analisis

Analisis data bertujuan untuk melihat sesuatu kes yang di selesaikan itu, memenuhi cita-cita fungsi kebajikan masyarakat dan pelaksanaannya. Pengkaji akan menganalisis kes-kes yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Slim River. Untuk pengukuran ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini mengukur sejauh mana kes yang dikaji memenuhi fungsi


remedial dan developmental. Sejauh mana ia memenuhi fungsi remedial dan developmental, lihat gambarajah 1

Seterusnya, apakah yang dimaksudkan dengan remedial dan developmental ? Menurut Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, remedial membawa makna memperbaiki, menyembuhkan dan memulihkan, sementara, developmental pula bererti perkembangan, kemajuan dan pembangunan. Ringkasnya dapat disimpulkan bahawa fungsi remedial ialah fungsi pemulihan dan fungsi developmental sebagai fungsi pengembangan terhadap individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti.⁷

Merujuk kepada gambarajah, fungsi remedial merupakan fungsi pemulihan yang berbentuk sementara waktu sehingga individu, keluarga, kumpulan organisasi dan komuniti mencapai kesejahteraan hidup yang 'normal' manakala fungsi developmental merupakan lanjutan untuk mengembangkan atau membangunkan potensi individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti yang 'normal' ke arah yang lebih baik lagi. Contoh, bagi seseorang individu miskin, maka usaha untuk memulihkan kemiskinannya dipanggil fungsi remedial dan apabila berjaya, usaha memajukan individu tersebut ke arah kemewahan dipanggil fungsi developmental.(Sila lihat gambarajah 1)

⁷ Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984 hlm. 355 dan 1032.

Gambarajah 1: Fungsi Remedial dan Developmental



Kebajikan Masyarakat menjalankan peranan yang amat berguna dalam pembangunan, disamping memberi sumbangkan kepada atau terlibat dalam strategi melaksanakan segala kemajuan sosial melalui tugas-tugas yang bertujuan untuk perubahan struktur, penyataan sosio-ekonomi atau pembangunan institusi. Peranan ini terkandung dalam fungsi kebajikan masyarakat iaitu fungsi pemulihan (*remedial*) dan fungsi pengembangan (*developmental*).⁸

Bertolak daripada kedua-dua fungsi ini, diketahui Kebajikan Masyarakat dengan fungsi tradisinya (fungsi remedial) bertujuan menjaga dan menguruskan segala keadaan perubahan sosial yang

⁸ Wan Azmi Ramli, *Dasar Sosial di Malaysia..* Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise 1982 hlm. 246.

berlaku telah ditambah (fungsi developmental) dengan menggembeleng, menyusun dan mengimbangi segala punca *human resources* terhadap pembangunan faktor-faktor sosio-ekonomi dalam hala-cara proses pembangunan menyeluruh (*wholistic development process*). Ini memberi peranan kepada kebijakan masyarakat dalam usaha menghadapi perubahan sosial.⁹

Bertolak daripada tujuan utama kebijakan masyarakat iaitu untuk kesejahteraan seperti yang dijelaskan " *welfare is human concern for the well-being of individual, families, group, organisation and communities*".¹⁰ Maka wujud usaha-usaha untuk membantu masyarakat ke arah kesejahteraan hidup. Dalam usaha ke arah ini, terdapat dua fungsi iaitu untuk memulihkan masyarakat yang menghadapi masalah sosial dan juga untuk mengembangkan atau membangunkan potensi masyarakat ke arah yang lebih cemerlang lagi. Dua fungsi yang utama ini dikenali sebagai fungsi remedial dan fungsi developmental.

Tujuan kearah memulihkan dan mengembangkan potensi masyarakat ini dapat di kesan dalam teori kerja sosial iaitu " *Social Work is an activity designed to help towards a better mutual adjustment of individual and their environment*"¹¹

⁹ Wan Azmi Ramli. *ibid.*, hlm. 246.

¹⁰ Morales, *op.cit.*, hlm. 100.

¹¹ The Development of National Social Service Programmes, (New York: United Nation, 1960), dalam Friedlander A. Walter and Apte Z. Robert, *Introduction to Social Welfare* (Fourth Edition) Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, 1974, hlm. 5.

Untuk melihat perbezaan antara kedua-dua fungsi ini, perhatikan petikan ini. "Social Welfare" is an organised activity that aims at helping toward a mutual adjustment of individual and their social environment. This objective is achived through the use of techniques and method which are designed to enable individual, group and communities to meet their needs and solve their problem of adjustment to changing pattern of society and through cooperative action to improve economic and social conditions.¹²

Daripada kenyataan di atas, jelas terdapat dua fungsi utama iaitu fungsi remedial yang bertujuan untuk memulihkan dan fungsi developmental yang bertujuan membangunkan atau mengembangkan masyarakat seperti yang digariskan di atas.

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi, perhatikan petikan dibawah. "Social Welfare" is the organized system of social services and institutions, designed to aid individual and group to attain satisfying standard of life and health, personal and social relationships which permit them to develop their full capacities and to promote their well-being in harmony with the needs of their families and community.¹³

Daripada kenyataan di atas, jelas fungsi remedial bertujuan memulihkan masyarakat yang tidak berkemampuan dan fungsi developmental bertujuan membangunkan atau mengembangkan masyarakat ke arah kesejahteraan.

¹² United Nations, *op.cit.*, hlm.4.

¹³ _____, *ibid.*, hlm. 4.

Kenyataan ini juga menjelaskan, apa yang terkandung dalam fungsi remedial dan developmental, dalam usaha ke arah mencapai "well-being". Harry M. Cassidy menjelaskan Perkhidmatan Sosial yang berunsurkan remedial dan developmental iaitu "those organized activities that are primarily and directly concerned with the conservation, the protection, and the improvement of human resources" and includes as sosial services; social assistance, social insurance, child welfare, corrections, mental hygiene, public health, education, recreation, labour protection, and housing.¹⁴

Seterusnya, perbincangan ditumpukan kepada fungsi remedial terlebih dahulu. Secara ringkas dapat dikatakan fungsi remedial mengandungi tiga bahagian yang utama dalam memenuhi fungsi remedial iaitu yang bercorak sokongan, perlindungan dan gantian. Ketiga-tiga ini lebih dikenali sebagai perkhidmatan yang bercorak sokongan (supplementary service), perkhidmatan bercorak perlindungan (Protective service) dan perkhidmatan bercorak gantian (substitut service).

"Supplementary service" merupakan perkhidmatan yang bertujuan memberi sokongan kepada individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka terutamanya dalam bentuk kewangan dan sebagainya. Antara program yang dijalankan ialah "Insurance Program",

¹⁴ _____, *ibid.*, hlm. 5.

"Assistance Program", "Homemaker Service" dan "Day Care."¹⁵ Program yang pertama dan kedua lebih menumpukan kepada cara untuk " maintenance of family income", dan yang ketiga dan keempat lebih kepada "moral support"

"Protective Service" merupakan perkhidmatan yang bertujuan melindungi individu, keluarga, kumpulan organisasi dan komuniti yang menghadapi masalah sosial, " protective Services are called upon in variety of situation, characterized by a similar factor: neglect, abuse or exploitation"¹⁶. Dalam perkhidmatan ini terdapat dua program yang diberi penekanan iaitu yang bercorak "rehabilitation" dan "treatment".

Sementara itu, "substitut sevices" pula merupakan perkhidmatan yang bertujuan memberi gantian kepada individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti dalam usaha menghindarkan berlakunya masalah sosial. Contohnya, ialah memberi ganti ibu dan ayah kepada anak yang kematian keluarganya. Antara program yang dijalankan ialah "foster family care" dan "institutional care".¹⁷

Seterusnya, perlu diingatkan bahawa fungsi remedial ini ditumpukan kepada individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti yang berada dibawah 'garisan normal' tidak kira lelaki atau perempuan, yang tidak berumahtangga, yang terencat akal, pengidap

¹⁵ Kadushin Alfred, *Child Welfare Services*, (Third Edition) Macmillan Publishing Co. Inc., New York, 1980, hlm. 115.

¹⁶ _____, *ibid.*, hlm. 115.

¹⁷ _____, *ibid.*, hlm. 115.

penyakit saraf, gangguan emosi, moral/akhlak yang tidak seimbang, sakit jiwa, kesihatan rohani/jasmani, yang buta, pekak, bisu dan cacat tubuh badan.¹⁸ Ukuran ketidakcukupan ini sering dikaitkan dengan kemiskinan bagi pihak-pihak yang terlibat dan kejayaan mengatasi kemiskinan dan seterusnya berdikari bagi individu yang terlibat merupakan faktor penting kejayaan fungsi remedial.

Perbincangan yang seterusnya, melihat pula fungsi developmental dalam kebajikan masyarakat. Developmental merupakan satu usaha untuk mengembangkan/membangunkan individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti ke arah meninggikan taraf hidup mereka. Antara programnya termasuklah kelas-kelas dewasa, projek-projek yang tertentu, pergerakan-pergerakan belia, memberi ransangan kepada kemahiran baru serta latihan-latihan kepimpinan dan sebagainya. Semua ini merupakan usaha ke arah meninggikan taraf hidup dari segi ekonomi dan sosial serta membantu masyarakat membuat keputusan sendiri dengan cara bergerak cergas. Sementara itu pihak-pihak tertentu pula memberikan bantuan untuk kemudahan iktisas seperti bantuan teknikal dengan cara yang teratur. Oleh itu developmental ini ialah satu agen kepada pembangunan sosial dalam masyarakat itu sendiri.¹⁹ Sementara itu peningkatan dalam kemahiran hidup dan pendidikan menjadi ukuran penting bagi mencapai fungsi ini.

¹⁸ Wan Azmi Ramli, *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*, Kuala Lumpur, Utusan Publications, 1992, hlm. 88.

¹⁹ _____, *ibid.*, hlm. 152-153.

Menurut Ankie M.M Hoogvelt terdapat tiga fungsi developmental yang utama iaitu (i). "Developmental As Process" iaitu 'as an evolutionary process of growth and change of man's social and cultural organisation. (ii). "Developmental as Interaction" yang bermaksud 'as a process of growth and change of societies under condition of interaction with other societies; dan (iii). Developmental As Action' pula ialah 'as a consciously planned and monitored process of growth and change.²⁰

Untuk mencapai maksud di atas, apa yang penting ialah masyarakat itu sendiri mengambil bahagian dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam membawa perubahan termasuk perubahan daripada tradisi lama kepada tradisi baru. Malahan developmental ini juga tidak sahaja menitik beratkan kebendaan semata-mata tapi turut memperbaiki keadaan sosial ke arah pertumbuhan (grow) dan perubahan daripada semua aspek.²¹

Ini lebih jelas lagi apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menjelaskan *Developmental Social Welfare sebagai:*²²

(a) "yang berhubungan dengan tindaklaku sosial atau "social functioning" yang sasaran kependudukannya kepada pembangunan negara; (b) menyelaraskan perkhidmatan atau disiplin kesektoran yang berbeza, yang juga akan menyumbangkan tindaklaku Sosial; (c)

20 Ankie M.M. Hoogvelt, *The Sociology of Developing Societies*, London: Macmillan, 1976 dalam Shankar Pathak, *Social Welfare - An Evolutionary and Developmental Perspective*, Delhi, Macmillan, 1981, hlm. preface.

21 Wan Azmi Ramli, *op.cit.* hlm. 153

22 Wan Azmi Ramli, *Dasar Sosial di Malaysia*, Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise, 1982, hlm. 247.

bekerja dengan penduduk-penduduk, oleh itu peroleh kerjasama demi memperbaiki masyarakat; (d) mewujudkan atau memperbaharui atau menyesuaikan segala Perubahan proses keinstitusian, yang layak dan sesuai terhadap pembangunan negara, di samping menghapuskan segala yang mendatangkan keburukan atau bercanggah dengannya".

Dari situ, pengembangan Kebajikan Masyarakat memperolehi keistimewaan ciri-cirinya yang tertentu sebagaimana yang berikut:

(a) mempunyai matlamat-matlamat positif yang dihalakan kepada pembangunan potentials untuk pertumbuhan yang progresif. Konsep moden Kebajikan Masyarakat ini ialah menitikberatkan kepada pembangunan manusia secara keseluruhan sebagai satu agen perubahan dan pertumbuhan. Ia menganggap MANUSIA itu sebagai satu faktor, '*means and ends*' terhadap kemajuan dan pembangunan negara. *Konsep Developmental* ini hanya dapat kita rasai apabila kita menggunakan hala cara penyeluruhan(*wholistic*); (b) menyeluruh atau komprehensif dalam pendekatan terhadap segala sektor yang berkaitan dengan 'kehendak' (*need*) masyarakat; (c) ada hubungan (*relevant*) dengan semua peringkat penduduk; dan (d) termampu untuk memenuhi kehendak-kehendak kelompok sasaran secara keseluruhannya, dengan akibat yang diharapkan terhadap Pembangunan Negara.²³

23 _____, *ibid.*,hlm. 248.

Pendekatan menyeluruh dan orientasi pembangunan kebijakan masyarakat dapat dilihat dalam fungsi-fungsi kebijakan masyarakat yang cuba mewujudkan segala unsur-unsur di dalam struktur dan institusi sosial yang dapat mengimbangi pertumbuhan 'peribadi' masyarakat dan melahirkan satu ketenteraman dan keselesaan dari segi sosial dan ekonomi. Segala pengendalian program terhadap fungsi ini dapat membantu rakyat merancang dan menjalankan perubahan yang akan memberi dan menyumbangkan kepada kebijakan mereka sendiri, juga kepada pembangunan negara.

1.7 Operationalisation (Operasionalisasi)

Dalam kajian ini kita akan melihat bagaimana fungsi remedial dan developmental dalam kes-kes yang dikaji dioperasikan dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dalam konteks ini, sama ada ia wujud atau tidak. Dalam konteks negara ini, fungsi remedial, merupakan fungsi yang bertujuan memulihkan anggota masyarakat yang ditimpa gejala (masalah) sosial. Dalam konteks kebijakan masyarakat terdapat tiga program yang diletakkan dibawah fungsi ini iaitu, Program Keluarga dan Kanak-Kanak, Program Pemulihan Akhlak dan Program Pemulihan Orang Cacat.²⁴

Program perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak adalah bertujuan untuk mengurangkan dan menghalang kesan masalah

²⁴ Wan Azmi Ramli, Pembangunan dari Perspektif Kebajikan, *op.cit.*, hlm.299.

sosial keatas mereka, serta menentukan penjagaan, perlindungan dan pendidikan yang lebih baik bagi mereka.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak pula bertujuan memulih anggota masyarakat yang rosak akhlak, menyesuaikan diri ke dalam masyarakat. Pelbagai program diadakan dalam usaha mencegah, memulih dan membangun juvana, wanita dan gadis yang menghadapi masalah supaya mereka dapat menyesuaikan diri ke dalam anggota masyarakat.

Program Pemulihan Orang Cacat pula bertujuan untuk menolong mereka berdikari dan seterusnya membantu mereka mencapai tahap yang maksimum dalam semua lapangan hidup, sesuai dengan kebolehan dan keupayaan mereka.

Satu pendekatan baru, pemulihan dalam komuniti pula telah diperkenalkan dengan menitikberatkan penglibatan ibu bapa, keluarga dan komuniti tempatan agar lebih aktif terhadap pencegahan dan pemulihan orang cacat khususnya diperingkat tempatan. Antara lain tujuan pemulihan ini ialah memupuk sikap berdikari, serta kesedaran ke atas tanggungjawab anggota masyarakat terhadap mereka yang cacat. Membina keupayaan tenaga sesuatu komuniti yang tidak cergas dan tidak berkembang baik dari segi keupayaan manusia ataupun lain-lain unsur penggerak sesuatu masyarakat, memberi peluang menggunakan pelbagai kaedah pemulihan yang mudah dan murah bersesuaian dengan keadaan tempatan, mengguna serta mengerakkan struktur institusi yang

sedia ada dalam masyarakat tempatan dan mengambil kira kemampuan ekonomi sesebuah negara (negeri dan daerah) yang mengamalkan dan memberi peluang liputan khidmat permulihan yang lebih luas.²⁵

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai beberapa fungsi dan perkhidmatan utama yang tertentu supaya dapat melengkapkan orang-orang perseorangan, kelompok-kelompok dan masyarakat amnya untuk mencapai kehendak-kehendak mereka dan menyelesaikan masalah-masalah penyesuaian terhadap bentuk dan corak sosial yang sentiasa berubah. Melalui tindakan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ahli-ahli masyarakat dapat memperbaiki keadaan-keadaan iktisas dan sosial mereka sendiri.²⁶

Berkaitan fungsi remedial, Jabatan Kebajikan Masyarakat bertujuan merancang perkhidmatan untuk mangsa pergolakan sosial, juga mengenalpasti mereka yang mungkin menjadi mangsa sambil menyediakan program untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan perubahan sosial serta mengenal pasti faktor sosial yang menimbulkan masalah dan cuba mengatasinya.²⁷

Sementara itu, fungsi developmental pula bertujuan meninggikan taraf kualiti hidup kumpulan sasaran, mengiktiraf komuniti sebagai satu unit yang mempunyai potensi,

25 _____, *ibid.*, hlm. 308.

26 Wan Azmi Ramli, *Masyarakat Satu Kajian Ilmiah dalam Konteks Kebajikan Am*, Kuala Lumpur, Utusan Publications, 1978, hlm. 155.

27 Wan Azmi Ramli, *op cit.*, hlm. 299.

menggembeleng sumber komuniti, serta menggalak dan meningkatkan penyertaan masyarakat.

Fungsi developmental ini juga mempunyai matlamat untuk memperkuuhkan unit kekeluargaan dan memberi sokongan bersama untuk memupuk sifat berdikari dan daya ketahanan dalam masyarakat.

BAB 2

Sejarah Kebajikan Masyarakat

2.1 Pendahuluan

Bab ini melihat sejarah perkembangan kebajikan masyarakat di negara ini bermula daripada terbentuknya sebuah jabatan yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat di zaman kolonial. Kemudian apabila negara mencapai kemerdekaan sebuah Kementerian Am yang bertanggungjawab keatasnya telah ditubuhkan dan pada era 1990an Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat.

2.2 Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2

Sejarah perkembangan Badan Kebajikan Masyarakat bermula dengan penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1946.¹ Jabatan ini ditubuhkan pada pertengahan 1946 selepas berkuatkuasanya surat pekeliling Setiausaha Tanah Jajahan bertarikh 11 Feb. 1946 (Mengenai skim perkhidmatan dan syarat-

¹ Wan Azmi Ramli. *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*, Kuala Lumpur, Utusan Publications 1992, hlm, 26.

syarat lantikan Pegawai Kebajikan Masyarakat),² dan pada 10hb Jun 1946 Jabatan Kebajikan masyarakat diwujudkan. dan mendirikan ibu pejabatnya di Jalan Batu (Sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) Kuala Lumpur. Seorang pentadbir British, Encik J.A Harvey telah dilantik mengetuainya,dan beliau dibantu oleh Capt. Mohammed Salleh, MBE, yang merupakan seorang bumiputera yang pertama dilantik kejawatan itu.³

Sejarah penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini sebenarnya adalah kesan daripada Perang Dunia Kedua yang menyebabkan wujudnya masalah sosial yang ketara akibat perang, iaitu melibatkan ahli-ahli keluarga yang terpisah, hilang, cedera dan ada pula yang meninggal dunia. Ramai di kalangan penduduk Malaya yang menghidapi berbagai penyakit, kecederaan dan kecacatan. Kedudukan sosial penduduk Malaya pada penghujung tahun 1945 adalah sangat buruk. Dalam hal ini hanya sedikit sahaja perhatian yang ditumpukan kepada kemajuan sosial dan ekonomi dalam negeri.⁴

Apabila Jepun menyerah kalah kepada Tentera Berikat pada penghujung tahun 1945, British telah mengambil alih semula pentadbiran di Malaya.⁵ Akibat daripada keadaan sosial yang buruk,

² Sejarah Penubuhan Kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan, Arkib Negara,Kuala Lumpur, 1988, hlm. 42

³ Wan Azmi Ramli *op cit.*, hlm. 296-297.

⁴ Che Som Daut, Melaka 1945-48 Yang lain daripada Malayan Union, Latihan IlmiahJabatan Sejarah, UKM Bangi, 1973, hlm. 30.

⁵ Penyerahan Kuasa oleh Jepun ekoran pengeboman Hiroshima dan Nagasaki oleh Tentera Berikat, Rujukan lanjut sila lihat A.E. Percival, *The War in Malaya*, Orient Private Ltd. Madras, 1957, hlm. 336.

pihak pentadbiran British telah menubuhkan satu badan kebajikan yang menyediakan kenderaan-kenderaan bagi membantu mangsa-mangsa pererangan. Pada masa ini ia dikenali sebagai "Citizens Advisory Bureau" (Biro Penasihat Rakyat) yang diketuai oleh seorang pegawai tentera Inggeris benama Lt. F. M. Smith⁶

Pada peringkat awal, Jabatan ini telah mengutamakan tugas dan tanggungjawabnya untuk menubuhkan *Restaurant Rakyat* bagi mengatasi kebuluran, memberi bungkusan makanan kepada rakyat yang kurang bernasib baik, bantuan kepada tanggungan mangsa pembinaan landasan keretapi Burma/Siam, perkhidmatan kanak-kanak, akhlak dan orang tua serta pentadbiran Rumah kanak-kanak dan rumah orang tua.⁷

Selepas Citizens Advisory Bureau, ia ditukarkan dan diganti kepada "Relief Department" (Pejabat Beri Bantuan) yang diketuai oleh Encik Awang b. Omar, Pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (JCS), British telah membuka sebuah pejabat "Government Office" dan diletakkan di bawah penguasaan seorang Pegawai Tadbir British. Melalui jabatan ini British memberi bantuan beras dengan percuma kepada orang miskin, kemudiannya makanan-makanan ini dijual dengan menggunakan kupon-kupon. Selain itu bagi mengatasi masalah kesihatan, ubat-ubatan juga telah dibekalkan dan diberikan kepada mereka yang sakit.⁸

⁶ Wan Azmi Ramli, *op. cit.*, hlm. 296

⁷ Buku Taklimat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Darul Ehsan, 1988, hlm. 2, juga lihat Wan Azmi Ramli, *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*, hlm. 297

⁸ Che Som Daut, *op cit.*, hlm 296

Waktu itu terdapat pangkat *State Rural Welfare Officer* atau Pegawai Kebajikan Masyarakat Kampung diperingkat negeri. Orang yang sangat "dedicated" dan menjadi orang yang pertama mengetuai pangkat ini ialah Miss M.L. Fernandes, beliau ialah seorang pegawai kebajikan terlatih yang pertama, yang bertugas di negeri Johor. Beliau sangat mengambil berat terhadap kanak-kanak cacat, juga "aborigines" atau orang-orang sakai yang dikenali waktu itu. Banyaklah projek yang dirintis oleh beliau.⁹

Selepas Perang Dunia Kedua, terdapat beberapa rumah sakit yang menyediakan satu bahagian daripada bangunannya bagi menempatkan orang-orang tua yang sakit dan uzur. Bahagian rumah sakit ini dipanggil "*decrepit ward*". Orang-orang tua ini diberi makanan dan jagaan oleh pihak hospital sama seperti pesakit-pesakit lain. Kebanyakan orang-orang tua yang tinggal di dalam "*decrepit ward*" ini adalah orang-orang Cina dan India.¹⁰

Apabila keadaan seluruh negara menjadi agak stabil, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah disusun semula dengan lebih baik dan teratur. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperuntukkan berbagai khidmat kebajikan kepada yang memerlukan bantuan iaitu dalam bentuk Skim Khidmat Masyarakat, Khidmat Anak-Anak Yatim dan Cacat, bantuan terhadap mangsa keretapi maut di Siam/Burma.

⁹ Mohamed Hj. Sulaiman, Focus on ex-Social Worker, *Jurnal Kebajikan Masyarakat Vol. 2. Disember 1988*, hlm. 44-47.

¹⁰ Wawancara En. Wan Azmi Ramli dengan YM Puan Hajjah Teh Zaiton, Pita rakaman untuk bilik maklumat, Kementerian Kebajikan Masyarakat, K.Lumpur.

Dalam tahun 1947, telah ditubuhkan satu perkhidmatan khas (*Probation Services*) bagi mengatasi masalah jenayah bawah umur.¹¹ (Sila lihat lampiran 2, carta organisasi Kebajikan Masyarakat 1948)

Seperti yang telah dinyatakan Pentadbiran Tentera British telah menubuhkan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa peperangan. Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ditubuhkan ini berfungsi sehingga ke tahun 1951, sebelum ia dicantumkan dengan kementerian-kementerian lain. Bermula pada tahun 1952, Jabatan Kebajikan Masyarakat diletakkan di bawah Kementerian Perhubungan Perusahaan dan Sosial sehingga tahun 1955 dan kemudian itu ditukarkan pula ke Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat sehingga tahun 1957.¹² Semenjak tahun itu sampailah ke tahun 1960an perkhidmatan ini lebih cenderung kepada perkhidmatan tradisional yang hanya mengutamakan perkhidmatan dalam memberi pertolongan seperti membantu mereka yang kurang bernasib baik, cacat dan sebagainya.¹³ Selepas tahun 1960an, keadaan mulai berubah sejajar dengan pembangunan negara khususnya mulai tahun 1970, apabila Kementerian Kebajikan Am diwujudkan.

Sebenarnya sebelum ini sejarah kerja-kerja kemasyarakatan bermula daripada aktiviti-aktiviti amal jariah keagamaan.¹⁴ Ia

¹¹ Ministry of Social Welfare Services: An Appraisal, hlm. 2

¹² Sejarah Penubuhan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, *op cit.* hlm. 41-42.

¹³ Wan Azmi Ramli, *ibid.*, hlm. 363

¹⁴ Wan Azmi Ramli, *op cit*, hlm. 363.

bertujuan untuk memberi bantuan kepada orang perseorangan dan adakalanya untuk kelompok-kelompok yang lebih besar terutamanya untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Ini diikuti pula kemudiannya dengan keperluan-keperluan lain ekoran masalah-masalah yang lebih meruncing timbul. Lantaran itu kerja-kerja kebajikan cuba untuk membangunkan mereka yang terlibat yang akan mendatangkan pula masalah bukan sahaja kepada diri mereka tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Keadaan ini wujud kerana pada mulanya masyarakat beranggapan bahawa orang miskin dan susah itu sememangnya ditakdirkan menjadi sebegitu. Oleh itu tidak ada apa-apa faedahnya membangunkan mereka atau cuba meninggikan taraf hidup mereka¹⁵

2.3 Pimpinan Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2

Pada awal penubuhannya 1946, Ketua Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak di panggil Ketua Pengarah. Ketua Kebajikan Masyarakat hanya di panggil Ketua Pegawai Kebajikan diantaranya ialah:¹⁶

¹⁵ Wan Azmi Ramli, *ibid.*, hlm. 363

¹⁶ Social and Welfare Department: Department Report: Jabatan Kebajikan Masyarakat, No., Fail. 60/62., Arkib Negara. Kuala Lumpur.

1. Dr. C.P. Rawson	(1948)
2 J.C. Mc. Dougall	(1958)
3. En. Mohamed Yusoff Hj Ahmad	(1962)
4. En. Badarudin Alang Ahmad	(1963)

Mereka-mereka ini merupakan pegawai-pegawai "MCS" yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran awam di Tanah Melayu. Pada tahun 1966 , barulah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai seorang pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu En. Sockanathan. Beliau merupakan ketua Pengarah KKA (Kementerian Kebajikan Am). Selepas beliau, diganti oleh Dato Adnan Hj. Abdullah, seorang ketua Pengarah yang berjiwa murni dan mulia. Di bawah kepimpinan beliaulah para pegawai mendapat latihan dan ijazah lanjutan di luar negeri dengan begitu ramai. Beliau juga arif dan pakar dalam masalah penyalahgunaan dadah.¹⁷ (Sila lihat lampiran 3, Organisasi Kementerian Kebajikan Am)

Sementara itu, di antara mereka yang bertanggungjawab terhadap Kementerian dan dilantik sebagai menteri penuh pula adalah seperti berikut:¹⁸

1. Tan Sri Datok Ong Yoke Lin (P.M.N)

Minister of Labour and Social Welfare (31. 12. 1957)

Minister of Health and Social Welfare (1960)

¹⁷ Wan Azmi Ramli, *op cit.* hlm. 298.

¹⁸ Sejarah Penubuhan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, *op cit.* hlm. 41-42.

2. En. Bahaman Samsudin

Minister of Labour and Social Welfare (1. 8. 1962)

3. Tan Sri Capt. Haji Abdul Hamid Khan b. Haji Sakhawat Ali Khan

(J.M.N) (J.P)

Menteri Kebajikan Masyarakat (18.6 1964)

4. Tan Sri Fatimah bt Hj Hashim (P.M.N)

Menteri Kebajikan Am (20.5.1969)

5. Datin Paduka Hajjah Aishah bt Hj Abdul Ghani (J.M.N)

Menteri Kebajikan Masyarakat (14. 8. 1973)

Selepas Malaysia ditubuhkan, satu jawatan Menteri baru diwujudkan, jawatan ini dikenali dengan nama Menteri Kebajikan Am. Orang yang pertama yang menjawat jawatan ini ialah Kapten Abdul Hamid Khan pada tahun 1964. Pada tahun 1968, berlaku rombakan Kabinet Malaysia, dan jawatan Menteri Kebajikan Am diambilalih oleh Dr. Ng Kam Poh. Beliau cuma memegang jawatan ini lima bulan sahaja kerana pada pilihanraya 1969, Parti Perikatan yang diwakili oleh Dr. Ng tewas di kawasan pilihanraya Perak.¹⁹

Kemudiannya Tan Sri Fatimah Hashim yang merupakan menteri wanita pertama telah menerajui Kementerian Kebajikan Am

¹⁹ Wan Azmi Ramli, *op cit.* hlm 297, untuk keterangan lanjut sila lihat R.K. Vasil: *The Malaysian General Election of 1969*, Singapura, Oxford Uni. Press 1972, hlm. 85.

sehingga tahun 1973. Tan Sri Fatimah, sebagai ketua kaum ibu yang menang dalam pilihanraya tahun 1969, di bawah pentadbirannya perubahan-perubahan mulai ketara sebagai sebuah Kementerian dan kepesatan perubahan tentang perancangan dasar dan pelaksanaan dapat dilihat dan dirasai terus menerus. Kemudiannya digantikan oleh Paduka Hajjah Aishah Ghani sehingga tahun 1983. Pada tahun 1984 Dato Hj. Abu Hassan Omar (Timbalan Menteri Perdagangan) dilantik menjadi menteri penuh dan mengambil tampuk Kementerian. Di bawah Dato Hj. Abu Hassan inilah Kementerian bergerak maju dengan pesatnya kerana beliau seorang menteri yang berkaliber, berwibawa, mempunyai kesahsianan, dedikasi hingga nama Kementerian dan imejnya tinggi dan popular, sehinggalah beliau bertukar pada tahun 1986 ke Kementerian Wilayah Persekutuan, kemudian pula ke Kementerian Luar Negeri.²⁰

2.4 Kebajikan Masyarakat Selepas Kemerdekaan 1957

Bermula pada tahun 1952, Jabatan Kebajikan Masyarakat diletakkan di bawah Kementerian Perhubungan Perusahaan dan Sosial sehingga tahun 1955 dan kemudian itu ditukarkan pula ke Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat sehingga tahun 1957.²¹

²⁰ Wan Azmi Ramli, *ibid.*, hlm. 297.

²¹ Sejarah Penubuhan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, *op cit.* hlm. 41-42.

Selepas negara mencapai kemerdekaan jabatan ini telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat sehingga tahun 1959. Bagi tempoh 1960-1962 jabatan ini berbalik semula ke Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat sebelum dicantum semula sebagai Jabatan di bawah Pentadbiran Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1963 dan dalam tahun 1964, Kementerian Kebajikan Masyarakat ditubuhkan dan kemudiannya digantikan dengan Kementerian Kebajikan Am, dan pada 2 Jun 1983 kembali dibawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.²² (Sila lihat lampiran 4)

Kementerian Kebajikan Masyarakat telah ditubuhkan pada tahun 1964. Sebelum ini aktiviti kebajikan masyarakat telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diletak di bawah pentadbiran berbagai-bagai kementerian. Selepas dua tahun jabatan ini dinaikkan tarafnya menjadi pejabat diikuti dengan penubuhan pejabat-pejabat cawangannya di peringkat negeri di seluruh negara.²² Ekoran daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bermatlamatkan menyelesaikan masalah atau mengurangkan sedikit masalah sosial yang timbul daripada kesan perang telah menggariskan matlamat-matlamatnya iaitu:

- 1 Untuk mengembangkan dan mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti bagi mencapai kesejahteraan hidup

²² Buku Cenderemata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu

- 2 Mencegah berlakunya masalah sosial yang boleh menjelaskan kestabilan dan keharmonian masyarakat.
- 3 Memulihkan mangsa akibat pergolakan sosial dan bencana alam.
4. Memberi perkhidmatan sokongan kepada Pertubuhan Kebajikan Sukarela dan agensi-agensi lain bagi mencapai kesejahteraan hidup.
5. Matlamat keseluruhan ialah untuk meninggikan dan memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial rakyat jelata.²³

Sebelum tahun 1961, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah disusun berdasarkan kepada pengkhususan seperti perkara Perkhidmatan Akhlak dijalankan oleh Pegawai Akhlak, perkhidmatan Kebajikan Kanak-kanak, Perkhidmatan Belia dan sebagainya. Pada tahun 1962 pengkhususan ini dijadikan kerja am untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas berbentuk "*multi-purpose work*" kecuali di peringkat ibu pejabat yang masih mengekalkan pengkhususan perkhidmatan. Dalam tahun 1972 pula, satu perubahan besar telah berlaku apabila Kementerian Kebajikan Masyarakat disusun semula mengikut aktiviti berikut:²⁴

- 1) Perkhidmatan Pencegahan
- (11) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-Kanak
- (111) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak
- (IV) Perkhidmatan Pemulihan Am
- (V) Pentadbiran

²³ Buku Cenderamata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu.

²⁴ Buku Cenderamata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu

Dengan perubahan ini Konsep Kebajikan Masyarakat telah diperluaskan. Sebelum tahun 1972, perhatian hanya diberikan kepada individu dengan menjalankan kerja kes dan pemberian bantuan kebajikan. Perhatian ditumpukan hanya kepada perkhidmatan perlindungan, pemulihan dan bantuan kepada segolongan kecil masyarakat yang menjadi sasarannya. Peranan tradisional ini merupakan fungsi yang remedial/curative sahaja.

Selepas tahun 1972 peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat lebih berdasarkan kepada usaha ke arah membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Perhatian di tumpukan bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada kelompok masyarakat dan kepada alam sekeliling dengan tujuan memperbaiki kualiti kehidupan. Tumpuan perkhidmatan iktisas telah ditukar daripada menjalankan kerja kes individu kepada aktiviti kemasyarakatan dengan tumpuan perhatian dalam aspek pembangunan dan pencegahan. Perubahan ini adalah selaras dengan perakuan yang dibuat di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antara Menteri Kebajikan Masyarakat pada tahun 1968.²⁵

Seterusnya, semasa bergabung dengan kementerian Kesihatan pula, Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu mengenal pasti mereka yang mengidap jenis-jenis penyakit merbahaya seperti batuk kering, malaria, kusta dan sebagainya.

²⁵ Buku Cenderamata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu.

Kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan Jabatan Kesihatan telah bermula sejak awal penubuhannya. Tiap-tiap klinik yang didirikan oleh kerajaan mempunyai kaitan rapat dengan badan-badan Kebajikan. Mereka sering mengadakan perbincangan dalam usaha mengatasi masalah kesihatan. Kerjasama ini sedikit sebanyak telah mengurangkan masalah kesihatan dikalangan masyarakat.

Kementerian Kebajikan Am yang mempunyai matlamat untuk meninggikan dan memperbaiki taraf ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang kurang bernasib baik dan daif terus mempertingkatkan peranannya secara lebih meluas. Kajian yang dijalankan oleh pihak MAMPU pada tahun 1980 telah menghasilkan satu penyusunan semula peranan dan struktur Kementerian pada tahun 1982 dengan tanggungjawabnya yang baru iaitu menitikberatkan penyertaan rakyat dalam usaha pembangunan sosial disamping meneruskan perkhidmatan kebajikan masyarakatnya terhadap jagaan, keluarga, perlindungan dan pemulihan. Seajar dengan penyusunan baru ini, Kementerian Kebajikan Am memberi lebih penekanan aktivitinya terhadap pencapaian Dasar Ekonomi Baru (D.E.B) berdasarkan pendekatan kerja sosial. Penekanan ini menjadi teras perkhidmatan kebajikan masyarakat untuk memajukan sesuatu komuniti dengan menggunakan berbagai aspek perhubungan manusia seperti unit keluarga dan kelompok bagi menghasilkan pembangunan sosial yang sihat.²⁶

²⁶ Laporan Tahunan 1982, Kementerian Kebajikan Am, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu.

Perkhidmatan kebajikan masyarakat pada dasarnya meliputi kesemua aspek penghidupan manusia. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaan ada had tertentu baginya. Konsep Kebajikan Masyarakat yang dipakai sekarang ini menumpukan pelbagai aktiviti untuk membolehkan individu, keluarga, kelompok dan komuniti mengatasi masalah sosial yang wujud akibat perubahan dan pergolakan sosial. Disamping menyediakan perkhidmatan khusus baginya Kebajikan Masyarakat juga mempunyai peranan penting dalam pembangunan sosial. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat memastikan supaya mereka yang kurang berasib baik dapat dimajukan untuk menikmati pembangunan disekelilingnya sebagaimana matlamatnya:

"memperkembangkan dan mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti dalam konteks pembangunan sosial selaras dengan Dasar Ekonomi Baru; mencegah berlakunya masalah sosial yang boleh menjelaskan kestabilan dan keharmonian masyarakat; memulih mangsa akibat pergolakan sosial dan bencana alam; serta memberi perkhidmatan sokongan kepada pertubuhan kebajikan sukarela dan agensi bagi mencapai kesejahteraan hidup".²⁷

Kemudiannya, kajian, penyelidikan dan penilaian dilakukan dan masyarakat mulai sedar bahawa kemiskinan boleh dihapuskan. Apa yang menjadi Penyebab utama ialah masyarakat itu sendiri. Oleh itu untuk membasmi kemiskinan maka sistem sosial, struktur

27. Buku Cenderamata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan Kuala Kubu Bharu

masyarakat itu sendiri perlulah dirombak, diubah, disesuaikan mengikut kehendak dan keperluan rakyat seluruhnya. Mereka yang dilabelkan dengan jenama "miskin" dan "susah" itu bukanlah kerana sudah kehendak alam, dia mesti dibelenggu susah atau ditakdirkan sedemikian rupa. Sebaliknya kepincangan sistem sosiallah yang mencengkam, membantutkan mereka.²⁸

2.5 Kebajikan Masyarakat Era 80 dan 90 an.

Dalam bulan ogos tahun 1980 Kementerian Kebajikan Am telah berpindah ke Wisma Shen, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Sebelum ini ia bertempat di Blok 10, Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta. Pada amnya tujuan kementerian ini ialah untuk membaiki kedudukan rakyat yang kurang bernasib baik dan daif dari segi pendapatan, sosial dan akhlak dengan memberi perkhidmatan pencegahan, nasihat dan pemulihan. Disamping itu, Kementerian ini juga memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa yang ditimpa bencana dan malapetaka.

Bagi menjalankan aktivitinya pada tahun ini Kementerian telah memperuntukkan sebanyak \$40,485,765.00 dan \$31,191,700.00 di bawah peruntukan bekalan dan \$9,294,065.00 di bawah peruntukan pembangunan. Peruntukan tahun ini melebihi peruntukan tahun lalu sebanyak 8.4juta.²⁹

28. Wan Azmi Ramli, *op cit.*, hlm. 363.

29 Laporan Tahunan 1980, Kementerian Kebajikan Am

Sepanjang tahun 1988, Kementerian Kebajikan Masyarakat menggalakkan lagi penyertaan orang awam, orang-orang cacat dan pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Sukarela dalam usaha-usaha kebijakan sejajar dengan hasrat "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

Kempen "Bulan Kebajikan Negara" juga diadakan dengan penganugerahan Tokoh Kebajikan Negara kepada Y. Bhg. Datuk Khoo Keat Siew dari Pulau Pinang dan Y. Bhg. Puan Hajjah Siti Bidayah bt. Hj. Din dari Kedah. Tokoh-tokoh ini menerima hadiah dari DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Diadakan juga hadiah cemerlang orang cacat semperna bulan tersebut.³¹

Dengan pelancarkan Bulan Kebajikan Negara sepanjang oktober 1988 telah menghasilkan kesan-kesan positif ke arah matlamat di atas. Lawatan rasmi juga dibuat oleh Menteri Kebajikan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam serta rombangan Y.B. Pehin ke Kementerian Kebajikan Masyarakat ini, bagi mengeratkan hubungan dua-hala.

Buat pertama kalinya pasukan bolasepak cacat pendengaran telah menyertai perlawanan Ketiga Asia Pacific Deaf Soccer Championship Tournament di Melbourne, Australia mewakili negara ini.

30 Laporan Tahunan 1988, Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Untuk membantu Yayasan Kebajikan Negara, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat berjaya dengan kerjasama pihak akhbar, membawa David Copperfield, seorang pakar silap mata yang terulung dari Amerika Syarikat ke negara ini membuat pertunjukan.

Persidangan Kebajikan Menteri-Menteri diadakan dengan menekankan aspek-aspek peningkatan disiplin dan prestasi kerja kakitangan; peningkatan program latihan vokasional di institusi; peningkatan perkhidmatan luar dan perkhidmatan institusi. Disamping mengadakan persidangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan persidangan ketua-ketua institusi seluruh negara supaya mutu kerja, produktiviti, jagaan dan perlindungan lebih baik, sempurna dan berkesan di kedua-dua pihak.

Untuk menjaga persekitaran yang selesa dan sempurna, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan pertandingan kebersihan institusi-institusi. Ini jelas memberi persaingan hebat kerana masing-masing mahu, menjadi 'juara' dan mengadakan tempat jagaan/perlindungan yang terbaik dari semua segi. Kemenangan ini menaikkan imej dan semangat kebersihan bagi semua pihak yang bertungkus lumus menjayakannya.

Disamping meningkatkan latihan kemahiran di institusi untuk melahirkan tenaga mahir atau separa mahir di kalangan remaja bermasalah, buat pertama kalinya pertandingan bola sepak peringkat kebangsaan dikalangan murid-murid institusi kebajikan diadakan bagi meningkatkan bakat kesukunan yang ada.

Tahun 1990 merupakan tahun yang bersejarah bagi kementerian Kebajikan Masyarakat (dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mulai oktober 1990, sila lihat lampiran 5) dengan erti kata ia berkembang menjadi satu kementerian baru yang lebih besar dan mengandungi lima Jabatan atau Agensi dibawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Peranan jabatan pula lebih khusus dan bersaing serta berkerjasama rapat dengan lain-lain Kementerian, Badan Berkanun dan sektor swasta demi kebajikan kumpulan sasaran tertentu.³²

Buat julung-julung kalinya juga Kementerian/Jabatan berjaya menjadi tuan rumah kepada persidangan Menteri-menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN setelah 13 tahun tidak bersidang. Persidangan ini amat besar ertinya dari segi kerjasama serantau serta kesepakatan negara ASEAN yang terlibat dengan hal-ehwal masalah masyarakat dan kemasyarakatan.

Bagi menjalin kefahaman dan meningkatkan produktiviti semua pihak, beberapa seminar persidangan, bengkel diadakan diperingkat kebangsaan untuk mengembeleng tenaga dan usaha untuk memberi perkhidmatan yang cekap, teratur dan lebih profesional. Justeru itu, untuk pertama kalinya dalam sejarah rantau ini : DASAR KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGARA" (sila lihat lampiran 6) digubal berkat kerjasama semua pihak dan direstui pelaksanaannya oleh Kabinet dalam bulan Mei 1990 dan dengan itu

31 Laporan Tahunan 1990, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

lahirlah antaranya "masyarakat berbudaya ikhram" dan salah satu daripada unsur atau cirinya ialah "masyarakat penyayang"³³

Disamping projek-projek pembangunan sosial, projek-projek pembangunan fizikal juga diberi penumpuan utama sejajar dengan keadaan arus perkembangan semasa supaya para penghuni institusi lebih selesa dan bermakna.

Cabaran tahun 90an ini akan lebih mendatangkan kesan kepada tindak-tanduk Jabatan untuk bertindak dengan secara lebih praktikal dan radikal dalam semua aspek pengurusan yang lebih profesional.

2.6 Perkembangan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Selepas Perang Dunia Ke 2 sehingga 1990

<u>Tahun</u>	<u>Aktiviti Utama Diperkenalkan</u>
--------------	-------------------------------------

1946	Bantuan Am Skim Bantuan Mangsa pembinaan rel keretapi Burma/Siam
1947	Perkhidmatan Akhlak Perlindungan Wanita dan Gadis

	Kebajikan Sakai (orang-orang Asli)
	Kebajikan Orang Tua
1948	Kebajikan Orang Buta
1950	Latihan Kakitangan
1951	Hantar Pulang Orang Tahanan ("Detainees")
1952	Kebajikan Kanak-kanak Bantuan Kepada Keluarga Orang- Tahanan ("Detainees")
1954	Kebajikan Belia
1960	Kebajikan orang Cacat (Ganti Kebajikan Orang Buta)
1964	Geran Pelancaran
1967	Kebajikan Pesakit Melarat (Chronically ill) Organisasi Pemasaran (Sales Organisation)
1973	Penyelidikan, Perancangan

dan penilaian Kebajikan Kakitangan

1975 Pemulihan Dadah

1976 Bantuan Guamam

1977 Kebajikan Sekolah

1984 TASKA

1986 Pembangunan Sosial

1990 Kementerian Perpaduan Negara
dan Kebajikan Masyarakat

2.7 Kesimpulan

Setelah membincangkan sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang bermula daripada zaman kolonial maka seterusnya akan dibincangkan pula proses-proses bagaimana sesuatu proses permohonan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dilakukan mengikut prosedur yang tertentu dalam bab yang seterusnya

BAB 3

Proses Permohonan

3.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan proses permohonan bantuan kebajikan oleh klien. Apa yang menjadi asas perbincangan ialah cara permohonan dilakukan oleh klien, proses temuduga, temurancang, lawatan ke rumah dan seterusnya penentuan jenis kes oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Sebelum semua ini diteliti adalah lebih baik untuk mengetahui siapakah Pembantu Kebajikan Masyarakat seperti yang dihuraikan dibawah.

3.2 Pembantu Kebajikan Masyarakat

Dalam konteks kajian ini Pembantu Kebajikan merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja kes. Pembantu Kebajikan juga merupakan pihak yang penting dalam menghubungkan klien dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bidang kuasa Pembantu Kebajikan ialah menyelidik sesuatu kes dan melaporkan kepada pihak Pegawai Kebajikan untuk tindakan

selanjutnya, sebagai contohnya Pembantu Kebajikan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas menemuduga klien, menjalankan temurancang, melakukan sesi lawatan ke rumah dan seterusnya menentukan jenis sesuatu kes. Dalam kes ini, Pembantu Kebajikan Masyarakat telah berkhidmat selama dua puluh dua tahun, mendapat pendidikan sehingga tingkatan enam dan seterusnya menceburkan diri dalam kerja-kerja kebajikan sebagai Pembantu Kebajikan di Parit, kemudian di Teluk Intan dan seterusnya di Slim River.

3.3 Cara Permohonan

Untuk mendapatkan bantuan, pelbagai cara dilakukan oleh klien agar pihak Kebajikan Masyarakat dapat membantu memulihkan kembali kehidupan mereka ataupun mengembangkan potensi yang sedia ada.

Dalam kajian ini, cara permohonan dilakukan oleh klien, lazimnya dengan menghantar surat rasmi. Ada di antara klien yang menghantar surat rasmi secara terus kepada Pegawai Kebajikan. Dalam kajian ini semua klien menghantar surat rasmi kepada Pegawai Kebajikan yang kemudiannya mengarahkan Pembantu Kebajikan menjalankan siasatan terhadap kes yang diterima. Terdapat juga kes, klien menyertakan bersama surat sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri, beserta surat sokongan ketua kampung dan Ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung. Surat sokongan yang

sedemikian memainkan peranan penting agar permohonan klien mendapat perhatian daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ada juga tanpa sebarang surat sokongan dan biasanya ditulis, serta dihantar oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat sendiri.

Secara lazimnya surat rasmi yang dihantar adalah ditaip terlebih dahulu, bagaimanapun terdapat kekecualian kerana terdapat juga klien yang menghantar permohonan bantuan dengan tulisan tangan beserta kertas buku latihan sekolah. Sementara itu, cara penghantaran surat rasmi ini juga berbeza-beza. Ada surat rasmi yang dihantar terus kepada Pegawai Kebajikan dan ada juga melalui Pembantu Kebajikan Masyarakat. Dalam konteks ini surat-surat yang diterima oleh Pegawai Kebajikan akan dihantar kembali kepada Pembantu Kebajikan untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, ada juga klien yang datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Slim River dan meluahkan masalah yang dihadapi kepada Pembantu Kebajikan. Dalam kes ini Pembantu Kebajikan menolong klien membuat surat permohonan dan menghantarnya ke peringkat Pegawai. Dengan itu, didapati pelbagai cara digunakan untuk memastikan sesuatu permohonan itu dipertimbangkan.

3.4 Proses Temuduga

Setelah sesuatu kes diterima oleh Pembantu Kebajikan, seterusnya dijalankan siasatan terhadap kes-kes tersebut. Pembantu

Kebajikan akan mengeluarkan surat dan memanggil klien-klien yang terlibat untuk hadir dan ditemuduga di Pejabat Kebajikan Slim River.

Dalam proses temuduga ini, Pembantu Kebajikan mengambil butir-butir peribadi klien serta latar belakang kehidupan mereka sehingga membawa kepada permohonan bantuan kebajikan. Semua ini dicatat oleh Pembantu Kebajikan dalam borang yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sewaktu temuduga dijalankan, Pembantu Kebajikan juga meneliti dan melihat reaksi klien yang ditemuduganya. Semasa proses ini terdapat klien yang menangis, sedih, murung dan juga tenang.

Dalam kajian ini, Pembantu Kebajikan berhadapan dengan klien-klien yang pelbagai ragam. Adakalanya menimbulkan kesukaran terutama ketika berkomunikasi dengan klien yang pekak dan bisu begitu juga dengan klien yang bersifat kebodoh-bodohan. Pembantu Kebajikan dibantu oleh keluarga klien dalam menerangkan latarbelakang pihak yang memohon bantuan.

Proses temuduga ini, tidak semestinya dilalui oleh semua klien. Malahan terdapat juga klien yang tidak ditemuduga. Pihak Pembantu Kebajikan dengan budi bicaranya meninggalkan proses temuduga, terutama dalam sesi soal-jawab. Pembantu Kebajikan hanya mengambil butur-butir peribadi dan membuat laporan kemudiannya.

Kesimpulannya, didapati proses temuduga ini tertakluk kepada keadaan klien. Ada klien yang berhadapan dengan proses temuduga dan ada klien yang tidak berhadapan dengan proses temuduga dan ada juga yang ditemuduga di rumah dan pejabat.

3.5 Temurancang

Temurancang merupakan satu proses perbincangan terhadap masalah yang dihadapi dan perancangan masa depan antara klien dengan Pembantu Kebajikan. Dalam temurancang ini Pembantu kebajikan berusaha agar perasaan tidak selesa, was-was ataupun perasaan takut klien terhadap Pembantu Kebajikan dihapuskan. Ini bertujuan agar wujud bersefahaman dan keselarasan antara Pembantu Kebajikan dengan klien.

Dalam temurancang ini, hubungan saling percaya-mempercayai amat penting agar wujud rasa mesra di antara satu sama lain. Hubungan yang sedemikian boleh diwujudkan dengan interaksi yang baik dan mendalam serta saling memahami. Dalam hal ini Pembantu Kebajikan memberi perhatian terhadap permintaan responden dan menerangkan akan prosedur serta kelambatan pihak jabatan dalam memproses sesuatu permohonan. Dengan cara ini sebarang syak wasangka akan dapat diatasi.

Dalam proses temurancang ini, Pembantu Kebajikan juga akan berbincang tentang rancangan-rancangan yang akan dilakukan oleh

klien dalam usaha meninggikan sama ada taraf hidup ataupun kemahiran mereka. Walau bagaimanapun tidak semua klien berhadapan dengan proses temurancang ini, di mana didapati satu kes tidak terdapat temurancang antara klien dengan Pembantu Kebajikan tetapi sebaliknya ke semua lima kes lain dijalankan proses temurancang. Ini berlaku kerana proses temurancang tidak diperlukan disebabkan klien tidak dapat berfikir dengan waras.

Didapati temurancang yang dilakukan adalah berbeza programnya, walaupun matlamatnya sama iaitu untuk membantu klien yang terlibat. Antara temurancang yang dilakukan ialah yang berhubung dengan membesarlu perniagaan, meninggikan kemahiran dan meningkatkan pencapaian akademik.

Proses temurancang ini melihat bagaimana Pembantu Kebajikan hanyalah sebagai 'pendengar' kepada masaalah dan cita-cita klien. Pembantu Kebajikan berusaha untuk memahami klien dan seterusnya membiarkan klien menunjukkan segala apa yang dirasakan sama ada daripada segi emosi dan tingkah laku

Secara keseluruhannya didapati proses temurancang antara Pembantu Kebajikan Masyarakat dengan klien mempunyai sifat dua hala, adakalanya Pembantu Kebajikan memberi pendapat dan selalunya Pembantu Kebajikan bertindak sebagai pendengar. Hasil daripada temurancang ini Pembantu Kebajikan akan mengemukakan laporan ke peringkat Pegawai Kebajikan.

3.6 Lawatan ke rumah

Lawatan ke rumah merupakan satu proses susulan daripada pertemuan temurancang antara klien dengan Pembantu Kebajikan Masyarakat. Ini kerana gambaran kehidupan klien amat penting dan tidak menjadi rahsia, agar memudahkan Pembantu Kebajikan Masyarakat merangka program atau projek untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi.

Dalam banyak keadaan, kenyataan yang dibuat oleh klien semasa temurancang mestilah dikaji dan ditapis kebenarannya terlebih dahulu. Adakalanya Pembantu Kebajikan merasa khuatir untuk mengesahkan kesahihan kenyataan yang diberi oleh klien. Dalam kes ini, didapati klien-klien Pembantu Kebajikan bercakap benar. Walaupun begitu terdapat beberapa kes yang tidak diceritakan secara mendalam kerana klien merasa malu terhadap corak kehidupan yang susah dan sempit. Semua ini dapat dipastikan apabila lawatan ke rumah dijalankan. Namun begitu terdapat kes yang dikesan, klien berbohong, dengan mengatakan tiada mempunyai anak yang bekerja tetapi adalah sebaliknya. Ini hanya dapat dikesan apabila klien telahpun menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam proses lawatan ke rumah, Pembantu Kebajikan menggabungkan apa yang dilihat dan diceritakan, keadaan fizikal tempat tinggal, kemahiran dan cara berfikiran klien. Pembantu

Kebajikan juga memerhatikan segala apa yang ada, termasuk keadaan persekitaran dan perhubungan klien dengan jiran dan masyarakat setempat. Dalam kes ini terdapat klien yang menganggur, yang kematian suami dan yang bekerja. Antara penyebab yang membawa kepada keadaan hidup yang susah didorong oleh pelbagai faktor dan terdapat juga yang menunjukan minat berusaha untuk memajukan diri dalam usaha meninggikan taraf hidup.

Seterusnya, perhubungan klien dengan keadaan sekelilingnya amat penting. Sekiranya klien merupakan seorang kanak-kanak, amat mustahak untuk mendapatkan maklumat yang tepat terhadap keadaan ibu bapanya. Klien yang dewasa pula perlu diketahui hubungan kelaminnya, bilangan ahli kelurga termasuk anak-anak dan setakat mana tanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Dalam kajian ini didapati hubungan antara klien dan keluarga jauh ataupun terputus, meninggal dunia dan sebagainya. Keadaan yang demikian menyebabkan keadaan keluarga yang terpaksa berdikari dan apabila sesuatu masalah menimpa, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi tempat yang utama dalam usaha memohon bantuan. Bagaimanapun terdapat juga kes yang melibatkan pembangunan insan tanpa melibatkan proses pemulihan.

Lawatan ke rumah ini juga merupakan satu lawatan formal yang dilakukan dalam bentuk yang informal. Ini bermaksud, Pembantu Kebajikan melakukan lawatan semasa bertugas, tetapi kehadiran Pembantu Masyarakat ke rumah klien dalam bentuk yang

bersahaja. Pembantu Kebajikan tidak mencatat apa yang difikirkan perlu dihadapan klien, ingatan yang kuat dan pemerhatian yang tajam amat penting dalam keadaan ini. Lazimnya pemerhatian ditumpukan kepada keadaan fizikal termasuk bentuk dan corak rumah meliputi segala keperluan yang terkandung di dalamnya. Pemerhatian juga tertumpu kepada perhubungan ahli keluarga dan suasana rumah tangga.

Kesimpulanya, proses lawatan ke rumah, merupakan satu aspek yang sangat penting dalam usaha Pembantu Kebajikan Masyarakat memahami keadaan dan kehendak klien.

3.7 Menentukan Jenis Kes

Menentukan jenis kes amat penting bagi Pembantu Kebajikan Masyarakat, agar permohonan klien bersesuaian dengan skim yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ia juga menentukan sama ada sesuatu kes diletakkan di bawah fungsi remedial ataupun developmental

Dalam menentukan jenis kes, Pembantu Kebajikan melihat pelbagai kategori klien sebelum diletakkan dibawah skim yang sesuai. Terdapat dua kes diletakkan dibawah Skim Geran Bantuan Pelancaran, satu kes dibawah Skim Bantuan Kanak-kanak, satu lagi diletakkan dibawah Bantuan Elaun Pekerja Cacat dan masing-masing

satu kes dibawah Elaun Latihan Sambil Bekerja dan Bantuan Orang Tua.

Dibawah Skim Geran Pelancaran, klien dikatakan boleh memajukan lagi perniagaan dan seterusnya mempunyai potensi untuk memperbaiki kehidupan keluarga. Lantaran itu, Pembantu Kebajikan telah melaporkan dan mengesyorkan agar klien diberi bantuan sekaligus untuk tujuan tersebut. Demikian juga dengan Skim Bantuan Kanak-kanak, di mana jumlah anak yang ramai dan keadaan kesulitan ekonomi menyebabkan klien memerlukan bantuan agar anak-anak klien dapat meneruskan persekolahan. Begitu juga dengan Skim Elaun Pekerja Cacat dan Latihan Sambil Bekerja yang melibatkan dua kes yang berbeza iaitu yang memerlukan saraan hidup dan yang ingin mengembangkan potensi diri.

3.8 Kelulusan

Kelulusan sesuatu permohonan adalah bergantung kepada laporan daripada Pembantu Kebajikan masyarakat dan pertimbangan Pegawai Kebajikan Masyarakat terhadap sesuatu kes sama ada diluluskan atau tidak. Dalam kajian ini telah didapati bahawa semua kes yang diambil telah diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kelulusan ini mengambil masa yang panjang. Walaupun begitu terdapat juga sesuatu kes yang diluluskan dengan segera. Secara purata sesuatu kes yang diluluskan mengambil masa selewat-lewatnya enam bulan. Apabila sesuatu kes telah diluluskan

lazimnya diadakan rancangan kajian semula untuk meneruskan bantuan ataupun memberhentikan bantuan.

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, sebelum sesuatu proses permohonan itu diluluskan, sesuatu kes terpaksa melalui pelbagai proses seperti temuduga, temurancang dan sebagainya. Proses permohonan ini lazimnya mengambil masa yang panjang, bermula daripada permohonan sehingga kepada kelulusannya mengambil masa satu bulan sehingga enan bulan. Proses yang panjang ini adalah kerana sesuatu kelulusan terpaksa melalui proses-proses yang telah dibincangkan diatas. Sementara itu kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan menjadi teras kepada kelulusan sesetua kes. Secara umum terdapat dua kriteria utama iaitu, mereka yang yang tidak berkecukupan dari segi material mahupun mental dalam meneruskan kehidupan, sama ada cacat, miskin dan sebagainya. Manakala kelulusan seterusnya diberi atas dasar individu-individu yang ingin megembangkan potensi diri, samaada melalui kemahiran dan sebagainya. Seterusnya perbincangan akan melihat pula fungsi remedial dalam kes-kes yang diambil di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Slim River.

BAB 4

Bantuan Remedial

4.1 Pendahuluan

Bab ini, menghuraikan program-program yang mencerminkan fungsi remedial Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penelitian terhadap program ini adalah berlandaskan atau berdasarkan kepada kes-kes yang diambil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Slim River. Penelitian utama kepada fungsi remedial yang dibincangkan ialah perkhidmatan sokongan, perkhidmatan perlindungan dan gantian. Seterusnya dihuraikan secara ringkas program yang terdapat dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam bab ini perbincangan ditumpukan kepada lima kes sahaja

4.2 Program Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai program yang dengan skim yang tertentu di Slim River. Antara program yang utama dalam memenuhi fungsi remedial ini ialah pencegahan dan pemulihan yang mengandungi tiga komponen sosial

utama iaitu keluarga dan kanak-kanak, pemulihan akhlak dan orang-orang cacat. Sementara itu juga, skim-skim yang dikendalikan termasuklah bantuan penyaraan kanak-kanak, penyaraan orang-orang tua dan elauan pekerja cacat. (sila lihat lampiran 7)

4.3 Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan sokongan merupakan perkhidmatan yang bertujuan memberi sokongan kepada mana-mana, individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti yang mengalami masalah sosial terutamanya dalam usaha memulihkan keadaan ekonomi. (sila lihat bab 1 muka surat 15 dan 16). Dalam konteks ini, perkhidmatan sokongan adalah sementara waktu sehingga mana-mana pihak kembali kepada keadaan normal. Perkhidmatan sokongan ini boleh dipecahkan kepada dua iaitu yang berbentuk material seperti kewangan dan non-material seperti khidmat nasihat. Perkhidmatan ini merupakan fungsi utama dalam program remedial yang bercorak sementara yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Slim River.

4.3(1) Sokongan Material dan Non-Material (Kewangan dan Khidmat Nasihat)

Bantuan kewangan merupakan satu skim bantuan yang diberi secara bulanan ataupun sekaligus, kepada individu atau keluarga

yang menghadapai kesulitan kerana ketiadaan atau kehilangan sumber pendapatan disebabkan oleh sesuatu keadaan seperti uzur, tua, berpenyakit teruk dan cacat. Begitu juga dengan baliu atau janda yang mempunyai tanggungan anak yang ramai. Bantuan ini juga diberi kepada individu atau keluarga bagi menampung keperluan nafkah harian, malah bantuan ini boleh juga digunakan bagi memulakan projek ekonomi kepada golongan sasaran supaya mereka dapat berdikari dan tidak bergantung terus kepada kerajaan. Bantuan ini adalah untuk sementara waktu sahaja. Bimbingan dan bantuan nasihat juga diberi di mana yang sesuai, serta menolong mereka berdikari kemudiannya.¹

(A) Bantuan Kanak-kanak.

Skim ini memberi bantuan kewangan kepada murid sekolah dari keluarga miskin secara bulanan seperti tambang bas ataupun sekaligus seperti bayaran yuran asrama, yuran peperiksaan dan membeli pakaian seragam. Tujuan bantuan ini ialah supaya murid-murid dari keluarga miskin dapat melanjutkan pelajaran tanpa gangguan oleh kesempitan hidup keluarga mereka. Ia juga diharapkan dapat mengurangkan masalah keciciran murid-murid kerana kemiskinan.²

¹ Wan Azmi Ramli, *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan* Kuala Lumpur, Utusan Publications 1992, hlm. 304

² Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak

Perbincangan ditumpukan kepada satu kes PKMD TPH (B) 19/84. Dalam kes ini responden telah diberi bantuan mulai Februari 1989 menerusi Skim Bantuan Kanak-kanak, sebelum itu responden pernah menerima bantuan persekolahan anak-anaknya selama setahun. Semua bantuan diluluskan berdasarkan kesulitan hidup responden setelah suaminya meninggal dunia dan kepentingan anak-anaknya yang masih kecil.

Beliau tinggal menetap di Kampung Balun, Slim River. Beliau dilahirkan pada 1-8-58, mempunyai tujuh orang anak. Setelah kematian suaminya responden menyara keluarganya dengan hasil daripada menoreh getah. Suami kepada responden telah meninggal dunia pada 26-5-1987 kerana menghidap penyakit barah. Lantaran itu responden telah menyara keluarganya sendiri kerana saudara mara tidak dapat membantu beliau. Responden juga tidak mempunyai pelajaran yang tinggi.

Dalam kes ini, beliau tinggal di rumah peninggalan arwah suaminya. Pada keseluruhannya rumah ini selesa digunakan, rumah ini juga mempunyai dua bilik tidur, bekalan elektrik dan air paip juga ada. Rumah responden diperbuat daripada papan dan berlantaikan simen serta beratapkan zink. Terdapat juga sedikit perabut seperti meja dan kerusi untuk kegunaan anak-anak responden belajar. Kebersihan rumah responden juga baik.

Sebagai ketua keluarga beliau mempunyai tanggungjawab yang berat. Beliau berusaha memenuhi keperluan hidupnya tetapi tidak

berupaya melaksanakannya dengan sempurna. Pada ketika ini lima orang anaknya masih lagi menuntut dan minat belajar dikalangan mereka adalah tinggi. Mereka juga menunjukkan potensi untuk terus maju. Anak-anak responden juga membuktikan yang mereka boleh mencapai kejayaan yang lebih memuaskan jika keperluan sekolah mereka mencukupi.

Disebabkan kesibukan kerja dan mengurus anak-anak, masa responden berinteraksi dengan masyarakat agak terbatas. Namun begitu bukanlah bermakna beliau tidak bergaul langsung. Responden masih lagi mencampuri masyarakat dalam urusan perkahwinan, kenduri kendara atau kegiatan kaum wanita. Dalam pada itu anak-anaknya sentiasa bergaul dengan rakan-rakan sebaya dan responden mengambil berat siapa rakan-rakan anaknya kerana beliau bimbang pengaruh buruk yang kian berkembang dikalangan remaja. Hubungan responden dengan semua anaknya sungguh mesra dan bagi anak yang tinggal di asrama beliau berhubung menerusi surat.

Pekerja kes yang ditugaskan telah berusaha berulangkali bebincang kemungkinan, responden memikirkan sesuatu usaha yang boleh dibuatnya bagi mendapatkan pendapatan yang lebih dari sekarang dengan sokongan modal daripada Geran Pelancaran. Bagaimanapun sikap tradisi responden terus menebal dengan mempertahankan haknya untuk terus menerima bantuan dan tidak berusaha selain daripada bergantung kepada Bantuan Kanak-Kanak. Selama tempoh bantuan diluluskan responden sentiasa digalakkan

berusaha untuk menceburi bidang yang sesuai untuk menambahkan pendapatannya melalui perniagaan, pertanian dan ternakan.

Sejak mula dibantu pada Feb 1989 hingga berlanjutan empat tahun hingga sekarang. Khidmat bantuan telah menyokong perkembangan kemajuan penghidupan responden. Responden berpendapatan RM 240.00 sebagai hasil menoreh getah dan 135.00 sebulan daripada pencec suaminya. Sebagai seorang balu dengan tanggungan 7 orang anak yang masih kecil dan empat darinya masih bersekolah, ia merasai pendapatan RM 375.00 menjadikan ia berperasaan cemas dan rendah diri serta tidak dingin terhadap matlamat perkhidmatan kebajikan. Matlamat yang difahaminya adalah haknya sebagai balu dan tanggungan untuk menjadikan Bantuan Kanak-Kanak sebagai pencec yang kedua selepas pencec suaminya.

Usaha Pembantu Kebajikan merancang berbagai pendekatan perundingan kerja kes. Sikap dingin responden terhadap matlamat perkhidmatan mula dipecahkan. Dengan dorongan Pembantu Kebajikan responden telah memilih jalan untuk berkerja sebagai konduktor bas.

Responden mendapat peluang yang baik kira-kira lima bulan yang lalu apabila beliau diterima bekerja sebagai konduktor bas Mogah dan bertugas di kawasan Slim River. Beliau bekerja setiap hari kecuali pada hari-hari cuti yang ditetapkan. Purata pendapatan sebulan beliau ialah lebih kurang RM350.00. keseluruhannya,

pendapatan beliau ialah RM450.00 sebulan, setelah di campur dengan pencen suaminya sebanyak RM 135. Disebabkan kesibukan bekerja responden tidak mempunyai peluang untuk melakukan kerja lain dan beliau sendiri telah merasakan sedikit keselesaan berbanding dengan keadaannya sebelum ini.

Biarpun responden telah berjaya menambah kadar pendapatannya ke tahap yang lebih baik tetapi beliau terus digalakkan berfikir mencari peluang kerja atau menambahkan pendapatan dengan melibatkan diri dalam sesuatu bentuk usaha seperti bermiaga, bertani secara kecil-kecilan dan menternak. Responden akan memikirkan kesesuaian yang mungkin dan akan membahagikan masa terlebih dahulu kepada anak-anak, kerja dan waktu untuk berehat.

Dengan perkembangan terbaru kini kehidupan responden dan keluarga lebih baik berbanding sebelumnya ini, namun demikian masalah kewangan adalah masalah semua dan tidak pernah akan selesai. Apa pun hakikatnya responden kini tidak layak lagi dipertimbangkan Skim Bantuan Kanak-kanak, telah sampai masanya untuk beliau berdikari dengan kemudahan yang dinikmati kini.

Penilaian perkembangan kes yang begitu beras oleh pekerja kes menjadi asas untuk Bantuan Kanak-Kanak ditamatkan. Penonjolan kesan perkhidmatan yang begini mungkin dapat mengubah tanggapan masyarakat dan agensi pusat terhadap

kewibawaan dan pentingnya peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap pembangunan masyarakat dan negara amnya.

(B) Elaun Latihan Sambil Bekerja

Bantuan ini diberikan kepada mereka yang tercicir dari sekolah dan sedang menganggur untuk mendapat latihan kemahiran dengan bekerja di kedai-kedai, bengkel tempatan atau pusat latihan kemahiran anjuran lain-lain agensi kerajaan atau swasta. Dengan memperolehi latihan kemahiran ini akan dapat menambahkan peluang pekerjaan dan seterusnya untuk mereka berdikari. Sesuatu kursus diberi bantuan kewangan sebanyak RM 1000 sepanjang kusus tersebut berjalan.³

Dalam kes ini, PKMD TPH (C) 7/88 responden berumur 24 tahun, berbangsa Melayu, beragama Islam, memegang kad pengenalan biru dan masih belum berkahwin lagi. Responden tinggal bersama keluarganya di Kampung Jaya, Kuala Slim. Beliau merupakan anak kedua daripada Iapan adik beradik. Responden juga seorang yang pekak dan bisu. Sebelum menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, beliau tidak mempunyai pekerjaan khusus, cuma membantu keluarganya di rumah dan di kebun. Responden mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kuala Slim sehingga darjah empat, kemudiannya responden melanjutkan pelajaran ke Sekolah Rendah Tanjung Malim (kelas intergrasi)

³ Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak

selama setahun. Ini disebabkan kelas integrasi telah ditutup kerana tidak aktif. Semenjak daripada itu responden tidak bersekolah dan hanya membantu keluarganya sahaja.

Dalam kes ini didapati responden tinggal bersama keluarganya di sebuah rumah kampung yang berukuran lebih kurang 18 kaki lebar dan 25 kaki panjang. Di rumah ini juga mempunyai dua bilik tidur, ruang tamu dan satu bahagian dapur. Di ruang tamu terdapat set kusyen moden dan almari perhiasan. Rumah papan yang beratapkan zink ini dibekalkan dengan kemudahan air paip dan elektrik. Seterusnya dapat juga dilihat keadaan rumah responden yang agak terjaga dan disusun kemas.

Walaupun responden merupakan seorang yang pekak dan bisu tetapi tidak pula bermakna responden tidak tahu membaca dan menulis. Lantaran itu dalam temurancang ini Pembantu Kebajikan telah dibantu oleh ibu responden dalam usaha berkomunikasi dengan Pembantu Kebajikan. Dalam usaha ini Pembantu Kebajikan telah mengesyorkan satu program latihan sambil bekerja kepada responden kerana beliau mempunyai kemahiran kraftangan iaitu kait mengait di rumahnya. Pada mulanya responden agak keberatan untuk menerima kerana terpaksa berpisah dengan keluarga. Setelah diberi dorongan oleh ibunya dan Pembantu Kebajikan, responden telah bersetuju untuk mengikuti program sulaman selama enam bulan di Pekan Tapah.

Perancangan terhadap sesuatu program oleh responden, adalah tertakluk kepada jadual program latihan sambil bekerja. Apa yang dapat dikenalpasti responden merancang untuk meneruskan hasil kerja sulaman di rumah dan menjualkannya. Dalam menjayakan rancangan program latihan sambil belajar ini, Pembantu Kebajikan menempatkan responden di sebuah bengkel latihan kait-mengait, sulaman dan gubahan yang terletak di jalan besar, Pekan Tapah. Kelas ini dikendalikan oleh Puan Lok. Disebabkan responden tinggal berjauhan dengan keluarga, responden ditempatkan di sebuah rumah sewa yang turut didiami oleh tuannya. Segala bayaran termasuk bil air dan elektrik diuruskan oleh tuan rumah tersebut. Sementara itu jarak di antara rumah sewa dan tempat belajar ialah kira-kira 20 meter sahaja. Segala perbelanjaan ini di bayai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Perbelanjaan sebenar bagi menyertai program latihan bekerja sambil belajar memerlukan perbelanjaan seperti berikut;

Perbelanjaan makan minum	RM 85	Sebulan
Bayaran Yuran Latihan	RM 20	Sebulan
Tempat penginapan	RM 20	Sebulan
Wang Saku	RM 20	Sebulan
Pengangkutan	RM 18	Sebulan
Kelengkapan Belajar	RM 30	Sebulan
Bil Eletrik dan Air	RM 07	Sebulan
Jumlah	RM 200	Sebulan

Memandangkan peruntukan hanya RM 1000.00 sepanjang latihan maka disyorkan oleh pembantu kebajikan supaya responden diberi bantuan sebanyak RM 167.00 sebulan selama enam bulan.

Selepas latihan responden mampu berdikari dalam menjalankan usahanya dengan wang yang diterima dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, sekaligus menghilangkan pergantungan kepada bapanya selama ini untuk membeli peralatan dan bahan untuk mengait. Responden membelanjakan mengikut keperluan semasa dan tidak semestinya bantuan RM 50.00 dihabiskan. Responden menjalankan usaha ini secara kecil-kecilan dan sambutannya kadang-kadang mengalakkan. Responden mendapat bantuan dan galakan keluarga dalam usahanya ini.

Sikap bertangungjawab dan minat untuk terus berusaha jelas ada pada responden. Biarpun pendapatan yang diperolehnya kecil tetapi beliau berpuashati kerana usaha tersebut adalah hasil kerjatangannya sendiri. Responden masih meneruskan usahanya dan pendapatan yang diperolehnya sekitar RM 30.00 sebulan.

(C) Bantuan Orang Tua

Bantuan orang tua merupakan bantuan bulanan kepada orang tua yang tidak berupaya untuk mencari nafkah kerana uzur, sakit,

cacat dan miskin. Ia bertujuan untuk meringankan penderitaan hidup orang-orang berkenaan.⁴

Sementara itu, dalam kes PKMD-TPH (C) 7/88 pula responden ialah merupakan seorang lelaki bujang yang dilahirkan pada tahun 1933 dan tinggal di Kampung Pauh, Behrang Station. Responden memegang kad pengenalan biru dan juga merupakan seorang yang cacat akal dan tinggal menumpang di rumah ibu saudaranya sejak ibunya meninggal dunia. Oleh sebab responden merupakan seorang yang bodoh alang, beliau tidak mempunyai pekerjaan tetap dan juga tidak pandai untuk melakukan kerja-kerja yang membolehkannya berdikari. Manakala saudara-mara responden tidak lagi mengambil tahu akan halnya, tambahan pula mereka sudah berumahtangga. Responden juga merupakan seorang yang rajin membantu ibu saudaranya seperti membeli barang keperluan di kedai.

Keluarga angkat responden pula sudah tua dan uzur. Hidup mereka bergantung kepada pemberian anak-anaknya sendiri. Mereka menerima responden untuk tinggal bersamanya atas dasar belas kasihan dan responden dibantu sekadar yang termampu.

Responden, tidak memiliki rumah - sendiri. Walau bagaimanapun beliau menumpang di rumah ibu saudaranya. Rumah ibu saudaranya merupakan rumah papan yang besar dan beratap zink, sementara itu hanya terdapat sebuah bilik tidur, ruang tamu dan dapur. Di dalam rumah ini terdapat banyak barang-barang lama

⁴ Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak

seperti meja, almari dan barang-barang tak berguna (buruk) seperti kotak, tin dan kain-kain lama yang tidak tersusun. Kebersihan di dalam rumah juga kurang memuaskan, tingkap-tingkap rumah jarang dibuka menyebabkan edaran udara dan cahaya matahari yang tidak mencukupi, sementara itu di kawasan luar rumah pula iaitu di kiri dan kanan serta di belakang dan di bawah rumah dipenuhi dengan kayu-kayu buruk dan sampah.

Sementara itu situasi persekitaran rumah yang didiami oleh responden juga tidak memberansangkan. Tingkap-tingkap yang tertutup dan keadaan yang tidak kemas menjadikan keadaan rumah tersebut sepi. Penghidupan responden dijangkakan akan berterusan sedemikian rupa sehingga keakhir hayatnya.

Dalam menjalankan kegiatan hariannya responden dibantu oleh penjaganya. Di sebelah pagi selepas sarapan responden biasanya akan tidur kembali. manakala tengaharnya pula responden selalunya akan membantu penjaga serba sedikit apabila disuruh terutama untuk ke kedai. Selepas makan responden tidur dan di petang harinya. responden merayau-rayau di kampung. Buat masa ini keadaan kesihatan responden adalah baik. Adakalanya responden demam dan sakit pening, beliau dihantar ke hospital

Responden menerima bantuan bulanan yang diulangkaji dan diluluskan setiap enam bulan sekali. Menurut Pembantu Kebajikan responden memerlukan saraan untuk meneruskan kehidupannya. Dengan bantuan ini ibu saudara responden dapat membelikan

makanan dan pakaian untuk responden. Responden juga tidak tahu mengendali hal-hal kewangan, tidak pandai mengira dan menilai wang. Sehingga hari ini beliau masih lagi mendapat bantuan kewangan yang diterimanya sejak lima belas tahun yang lalu.

(D) Elaun Pekerja cacat

Elaun ini diberi untuk menggalakkan mana-mana anggota masyarakat yang cacat bekerja sendiri, galakan elaun bulanan diberikan selagi terdapat usaha meninggikan produktiviti diteruskan.⁵

Dalam kes PKMD-TPH 411/63, responden berusia 46 tahun, berbangsa India dan merupakan seorang yang cacat anggota iaitu kedua belah tapak tangannya bengkok dan ini menyebabkan kedua belah tapak tangannya tidak berfungsi sebagaimana manusia normal. Responden hanya boleh bergerak dengan menghensot. Walau bagaimanapun kedua belah kakinya terutama bahagian jari beliau boleh membuat kerja mengantikan kedua belah tangan. Kecacatan ini adalah sejak dilahirkan lagi.

Beliau tinggal bersama-sama dirumah adiknya yang disediakan oleh pihak estet Clunny tempat adiknya bekerja, mempunyai dua bilik tidur, ada kemudahan air dan elektrik.

⁵ Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak

Pekerjaan beliau ialah membaiki basikal di kawasan tempat tinggalnya. Pendapatan bulanan masih lagi disekitar RM 50-60 sebulan. Ini kerana keupayaan yang terhad dan juga kekurangan pelanggan kerana kurangnya penggunaan basikal di ladang tersebut.

Hasil daripada usaha beliau ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah meluluskan bantuan Elaun Pekerja Cacat kepada responden. Sehingga ke hari ini beliau masih lagi menerima bantuan tersebut sebagai galakan kepada usahanya.

(E) Skim Bantuan Geran Pelancaran.

Skim Bantuan Geran Pelancaran ini adalah untuk mengalakkan penerima bantuan am atau ahli keluarganya menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi untuk menambahkan pendapatan mereka dan seterusnya menamatkan pergantungan kepada bantuan bulanan semata-mata. Ia akan dicapai dengan bantuan pelancaran sekaligus Bantuan pelancaran diberikan sekaligus berdasarkan pertimbangan kepada projek masing-masing dan had maksimanya ialah RM 2000. Bantuan boleh diluluskan sekaligus atau secara berperingkat mengikut kehendak dan kemajuan projek.⁶

Dalam ke ini, PKMD-TPH (C) 20/88, responden merupakan warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan biru, berbangsa Melayu, berumur 25 tahun dan berkahwin. Beliau tinggal

⁶ Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak

di Ladang Kelapa Bali, Slim River dan merupakan anak sulong daripada empat adik beradik. Responden mempunyai 5 orang tanggungan iaitu isterinya 22 tahun., dan anaknya daripada 8 bulan hingga 5 tahun. Responden juga merupakan seorang yang cacat. Kecacatan responden ialah dianggota kakinya iaitu kaki kirinya kecil dan pendek daripada kaki kanannya yang normal. Responden mendapat pendidikan sehingga darjah enam di sekolah Kebangsaan Kuala Slim, Slim River.

Keluarga ini tinggal di rumah yang mempunyai dua bilik tidur, satu ruang tamu dan satu bahagian dapur. Rumah ini juga mempunyai bekalan elektrik serta air paip. juga terdapat sedikit kelengkapan rumah seperti tikar, radio dan TV. Kebersihan rumah responden memuaskan dan terkawal. Rumah ini disediakan oleh majikan ladang, tempat beliau bekerja.

Beliau merancang untuk menjalankan perniagaan, ini kerana responden mempunyai pengalaman yang tersendiri dalam lapangan perniagaan. Sewaktu beliau berusia 12 tahun pernah mengikuti bapa saudaranya di Parit Buntar menjalankan perniagaan di pekan-pekan sehari, beliau juga pernah membantu rakannya menjalankan perniagaan seumpama itu di Tanjung Malim beberapa tahun yang lalu. Responden juga seorang yang tahu membaca serta menulis, beliau juga cekap menggunakan alat timbang dan sukat serta faham perjalanan dan selok-belok perniagaan yang sedemikian.

Perniagaan responden mempunyai pasaran terbuka, responden akan menjalankan usahanya di pekan sehari yang terdapat di daerah ini. Pada hari isnin responden bermiaga di Felda Gunung Bersout 2, hari selasa responden akan bermiaga dari rumah ke rumah di beberapa kampung yang berhampiran, hari rabu responden akan berjual di Sungai Dusun, hari khamis beliau bermiaga di Slim River dan hari jumaat di Tanjung Malim dan hari sabtu di Gunung Bersout 3. Semua tempat tersebut menjadi tempat perniagaan segala keperluan harian.

Keuntungan adalah nadi perniagaan. Kerana itu responden mempunyai beberapa langkah untuk memastikan keuntungan yang diharapkan tercapai. Semua bahan-bahan jualan akan dibeli secara borong dari pembekal yang responden kenali di Kedah yang sedia untuk membekalkan responden dengan pelbagai jenis ikan masin, udang kering, ikan bilis, sotong kering dan juga belacan. Harga belian borong adalah pada paras yang istimewa dan responden boleh menjualnya pada harga yang berpatutan dipasaran biasa.

Sementara itu tambang perjalanan untuk mendapatkan bekalan tidak terlalu tinggi kerana responden merupakan seorang yang cacat dan tambang perkhidmatan keretapi - pergi balik antara Slim River ke Kedah hanyalah RM15.00 sahaja. Responden juga mendapat keuntungan 40% daripada jualan hariannya dan beliau menganggarkan boleh menjual antara RM 20-40 sehari. Bermakna pendapatan sehari jualan antara RM 8.00 hingga 16.00, hitung panjang sebulan lebih kurang RM 224.00 hingga 448.00 sebulan.

Sungguhpun begitu ia tidaklah tetap bergantung pada usaha responden sendiri.

Responden pula tidak mempunyai modal atau sumber lain yang selaras dengan hasratnya. Responden telah membuat anggaran dan perbelanjaan yang diperlukan berjumlah lebih kurang RM 1,800. Sebagai seorang yang cacat, minat dan keberanian responden untuk meneroka satu bidang yang mencabar patut diteladani oleh golongan cacat yang lain. Kecacatan yang dialami oleh responden juga tidak menghalang usaha yang akan dimulakannya. Memandangkan usaha tersebut boleh dikendalikan oleh responden serta mempunyai potensi untuk berkembang maju, dicadangkan kes ini disokong bantuan sekaligus sebanyak RM 1,800 sebagaimana yang diperlukan. Responden berazam berusaha bersungguh-sungguh dan ingin berjaya dalam lapangan yang diterokainya.

Responden telah menukar projek asalnya kepada projek menjual petrol secara runcit. Projek ini sebenarnya telah berjalan hampir tiga tahun yang lalu. Responden dapat mengekalkan usahanya sebagai penjual petrol runcit hingga ke hari ini. Hasil daripada ini responden memperolehi pendapatan di antara RM 400-600 sebulan.

Pengkaji mendapati responden menumpukan sepenuh perhatiannya ke atas usaha ini, di samping itu pengkaji ini juga mendapati responden mempelbagaikan jualannya seperti menjual pisang, air tebu dan buah-buahan tempatan mengikut musim seperti

rambutan dan jagung. Menurut Pembantu Kebajikan setelah hampir tiga tahun responden berjaya meneruskan perniagaannya. Jesteru itu Pembantu Kebajikan menganggap kes ini berjaya. Ini kerana kehidupan keluarga responden bertambah baik, pemakanan yang seimbang dan kesihatan terjaga. Lantaran itu boleh dikatakan semenjak projek ini berjalan responden dapat memperbaiki taraf sosio-ekonominya.

Responden juga telah menyatakan kepada pengkaji bahawa beliau bercita-cita untuk memiliki sebuah tangki simpanan petrol dalam lingkungan 400-600 liter. Responden menyatakan bahawa beliau telah memohon melalui saluran-saluran tertentu tetapi sehingga kini usaha beliau masih belum berjaya. Responden juga menjelaskan, Pembantu Kebajikan telah menasihatkan responden supaya menghubungi Pejabat Kuatkuasa Perlesenan di Kementerian Perdagangan dan juga pihak Jabatan Bomba. Menurut responden beliau telah menghubungi kedua-dua pihak di atas tetapi sehingga kini masih belum menerima sebarang jawapan. Dalam laporan Pembantu Kebajikan kepada Pegawai Kebajikan bahawa usaha responden untuk mendapatkan tangki petrol tersebut bertujuan untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan serta menambahkan pendapatan.

Pengkaji mendapati responden telah menjalankan usahanya bersungguh-sungguh dan beliau berhasil menambahkan jumlah pendapatannya berbanding sewaktu beliau bekerja sebagai buruh di Ladang Kelapa Bali. Pendapatan sebulan responden sewaktu bekerja

sebagai buruh ialah RM 250.00 sebulan, sebaliknya pendapatan responden kini telah mencapai sehingga RM 600.00 sebulan. Namun begitu usaha responden bukanlah merupakan usaha yang dirancang daripada awal. Usaha ini merupakan pilihan beliau sendiri setelah merasakan usaha asal yang dirancangkan menghadapi masalah.

Menurut pembantu Kebajikan, dalam kes ini responden berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan lesen perniagaan yang sah ataupun untuk memiliki tangki seperti yang dimaksudkan gagal diperolehi kerana responden tidak memenuhi syarat-syarat keselamatan. Perniagaan seperti ini juga tidak mendapat sokongan Jabatan Penguatkuasa dan Perdagangan, namun begitu atas keputusan sendiri responden tetap meneruskan usahanya sampai sekarang. Sementara itu Pegawai Kebajikan pula menjelaskan bahawa usaha responden boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan sekiranya usaha dan semangat responden dapat dikekal dan diteruskan dari semasa ke semasa.

4.4 Perkhidmatan Perlindungan

Perkhidmatan perlindungan merupakan perkhidmatan yang bertujuan melindungi anggota masyarakat daripada gejala-gejala sosial. Perkhidmatan ini memberi penekanan terhadap 'rehabilitation' dan 'treatment' dalam usaha memulihkan anggota masyarakat yang ditimpa gejala sosial seperti memberi perlindungan kepada remaja bawah umur daripada dianaya dan sebagainya.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati unsur-unsur perlindungan tidak terdapat dalam kes-kes yang telah dibincangkan. Apa yang dikenalpasti, kes-kes yang melibatkan perlindungan ini terletak di bawah tanggungjawab pentadbiran institusi seperti rumah orang tua dan Taman Seri Puteri.

Oleh itu, dapat disimpulkan dalam kajian yang bertempat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Slim River, bahawa tidak terdapat perkhidmatan yang bercorak memberi perlindungan.

4.5 Perkhidmatan Gantian

Perkhidmatan gantian, merupakan perkhidmatan yang bertanggung Jawab bagi menggantikan anggota masyarakat yang kehilangan tempat pergantungan seperti anak yang kematian keluarganya. Dalam konteks ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan institusi penjagaan ataupun penyerahan kepada keluarga angkat.

Dalam konteks kajian ini, tidak terdapat kes yang melibatkan perkara-perkara di atas. Apa yang jelas, kes-kes begini dikendalikan oleh pihak institusi yang memainkan peranan dalam usaha memberi sokongan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan menyediakan keluarga angkat atau institusi penjagaan

4.6 Kesimpulan

Perbincangan ini menunjukkan perkhidmatan sokongan yang bercorak bantuan kewangan mendominasikan keseluruhan kes, disamping khidmat nasihat yang diberikan oleh pihak Pembantu Kebajikan dalam usaha membantu memulihkan mangsa-mangsa yang terlibat. Apa yang jelas, hasil daripada perbincangan di atas, menunjukkan fungsi remedial yang terdapat dalam konteks kajian ini hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada fungsi remedial secara keseluruhannya. Ini kerana perkhidmatan yang bercorak sokongan sahaja yang terdapat dalam usaha ke arah memulihkan anggota masyarakat yang menghadapi masalah sosial.

BAB 5

Bantuan Developmental

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan fungsi developmental yang terdapat dalam kes yang dikaji daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Slim River. Perbincangan akan ditumpukan kepada satu kes sahaja.

5.2 Bantuan Developmental

Dalam kes ini PKMD-TPH (GP) 108/91, usaha mengembangkan atau menambahkan pendapatan klien merupakan usaha-usaha developmental. Dalam kes ini responden merupakan seorang warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan biru, berumur 31 tahun., berbangsa Melayu dan sudah beristeri beumur 28 tahun serta mempunyai 2 orang anak yang berumur 2 bulan dan 7 tahun. Beliau juga menyara ibu mertuanya yang berumur 55 tahun

Responden merupakan orang yang bertanggungjawab menanggung beban sarahidup untuk keluarganya. Ini kerana isteri beliau hanyalah seorang suri rumah, tambahan pula ibu mertuanya sudah uzur. Responden pada waktu ini tinggal menyewa rumah kedai di pekan Felda Sungai Behrang dan menjalankan perniagaan bengkel motosikal. Rumah ini terbahagi dua bahagian iaitu rumah atas dan bawah. Rumah bawah disekat dua iaitu satu bahagian dijadikan bengkel motosikal. Sementara itu kemudahan asas bekalan elektrik dan air paip diperolehi daripada jirannya terutama sumber air. Keluarga ini menggunakan lampu minyak di sebelah malamnya. Antara perabut yang terdapat ialah sebuah almari pakaian, radio dan perkakas memasak. Rumah responden merupakan rumah kedai yang terletak di penjuru Pekan Felda Sungai Behrang yang hampir dengan pusat pentadbiran felda di mana bengkel yang terdapat berjiran dengan beberapa kedai lain.

Kedudukan bengkel ini di penjuru Pekan Felda Sungai Behrang berpontesi sebagai tempat menjalankan perniagaan. Cadangan responden untuk melengkapkan alat-alat ganti dibengkelnya bertujuan untuk dapat menarik lebih ramai pelanggan, sekaligus dapat menambahkan keuntungan daripada kerja upah dan untung jualan alat ganti. Apabila pendapatan responden telah bertambah, dengan sendirinya kekurangan anggaran belanja keluarga dapat diatasi.

Sewaktu berbual dengan pengkaji, responden menaruh keyakinan bahawa beliau boleh mencapai kejayaan yang lebih baik.

Responden memerlukan waktu untuk membuktikan keyakinannya itu. Pengkaji mendapati, sehingga kini projek responden berjalan lancar dan sekiranya wujud masalah hanyalah dari segi kesihatan responden yang menyebabkan bengkelnya ditutup sehari dua.

Responden juga menyatakan kepada pengkaji bahawa beliau ingin menjadi pengusaha bengkel yang benar-benar berjaya dan harapannya bukan setakat menyediakan perkhidmatan servis dan jualan alat ganti bahkan sehingga menjadi penjual motosikal terpakai dan baru.

Menurut Pegawai Kebajikan Masyarakat di Tapah, projek responden berjalan seperti mana yang telah dirancangkan, bagaimanapun matlamat sebenar projek ini belum tercapai. Beliau menegaskan seliaan daripada Pembantu Kebajikan wajar diteruskan dari semasa ke semasa. Ini disebabkan pendapatan responden yang diperolehi tidak stabil. Responden juga seharusnya menjadikan persaingan dengan bengkel motosikal yang bersebelahan dengannya sebagai satu dorongan untuk beliau berusaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan seterusnya memikat hati pelanggan yang berurus dengannya. Sekiranya projek ini diusahakan secara teliti, Pegawai Kebajikan berkeyakinan ia mempunyai harapan yang baik untuk berjaya.

Dalam catatan anggaran perbelanjaan, responden memerlukan modal sebanyak RM 1,669.70 sebagai membeli kelengkapan perniagaan dalam bentuk alat-alat ganti dan modal pusingan, iaitu

ialah RM 1,469.70 sebagai alat-alat ganti dan RM 200 sebagai modal pusingan.

Responden mempunyai pengalaman selama tiga tahun sebagai pembantu mekanik di kedai Ah Fatt, Segambut Kuala Lumpur. Kemudiannya beliau turut berpengalaman selama tiga tahun dalam pengurusan bengkelnya sendiri. Gabungan pengalamannya ini menyebabkan responden berkeyakinan tinggi terhadap usahanya akan berpotensi untuk terus maju. Buat masa ini responden dapat mengendalikan bengkelnya bersendirian, bagaimanapun responden bercadang untuk mengambil pekerja dan membayar elau sambil belajar apabila perniagaannya berkembang.

Dalam kes ini responden menyediakan perkhidmatan di mana setiap perkerjaan yang dilakukan dikenakan upah. Sementara itu di Felda ini terdapat 550 keluarga dengan anggaran 1000 biji motosikal. Lantaran itu pasaran responden adalah baik tambahan pula di sini hanya terdapat dua buah bengkel motosikal termasuk milik responden.

Pada waktu ini responden memperolehi keuntungan daripada upah perkhidmatan yang disediakan, disamping itu beliau ada menyediakan beberapa jenis alat ganti yang nilai dipasaran amat kecil. Biasanya antara 15% hingga 30% keuntungan yang diperolehi daripada jualan alat ganti, tetapi perniagaan responden lebih tertumpu kepada perkhidmatan 'Servis' dan anggaran pendapatan masa ini ialah lebih kurang RM 360-450 sebulan. Sebahagian besar

daripada pendapatan ini adalah daripada upah perkhidmatan berbanding dengan keuntungan jualan alat ganti motor.

Perancangan responden ialah melengkapkan alat-alat ganti yang masih tidak terdapat dibengkelnya, sedangkan pasarannya amat menggalakkan masa ini. Responden tidak mampu menambah alat-alat ganti ini kerana ketiadaan modal pusingan yang mencukupi. Jika sekiranya semua berjalan lancar pendapatan responden dijangka boleh ditingkatkan lagi sehingga mencapai RM 600 sebulan. Responden telah bersedia ke arah itu.

Matlamat responden adalah untuk meningkatkan pendapatan bulanannya kepada RM 600 sebulan, melalui keuntungan jualan alat ganti yang perlu dikembangkan modalnya ialah melalui Bantuan Geran Pelancaran. Bagi mengatasi keraguan dan menentukan halacara penyeliaan dan perkembangan kesan Bantuan Geran Pelancaran maka perundingan telah dibuat dan persetujuan bekerjasama telah dicapai bagi penyeliaan yang menumpukan kepada penyelengaraan modal secara berkekalan dan pengunaan keuntungan jualan digunakan bagi saraan keluarga.

Menurut Pegawai Kebajikan, bantuan ini mungkin dapat menyokong sikap berusaha responden dan memperkembangkan keyakinan usahaniaga responden. Rancangan yang diusahakan dengan seliaan dan galakan pembantu kebajikan dapat meningkatkan keupayaan responden sebagai penanggung utama

nafkah keluarga dan mengelakkan sikap pergantungan bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di masa akan datang.

Keputusan yang tepat sama ada projek ini berjaya atau gagal masih belum dapat ditentukan lagi kerana program ini baru berusia empat bulan. Sekarang ini usaha responden pertama berjalan lancar. Menurut responden sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat menggalakkan. Pendapatan yang diperolehi secara kasarnya dalam tempoh empat bulan ialah di antara RM 400-650 sebulan. Setelah ditolak modal dan lain-lain kos, pendapatan bersih responden ialah di antara RM 180-230 sebulan. Projek ini mempunyai harapan untuk berjaya sekiranya responden pertama berusaha dengan lebih gigih lagi.

5.3 Kesimpulan

Daripada kes yang dikemukakan di atas, tidak dapat dinafikan bagaimana usaha ke arah mengembangkan perniagaan ini merupakan satu usaha yang boleh diletakkan di bawah fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikenali sebagai fungsi developmental.

Walaupun sebelum ini telah ditegaskan fungsi developmental ini merangkumi tiga komponen utama iaitu sebagai satu proses, satu interaksi dan satu tindakan, ia terpamer dalam kes ini. Dalam usaha ke arah pengembangan ini, iaitu mencapai sesuatu kejayaan

sebenarnya merupakan satu proses dan didalamnya terdapat hubungan atau interaksi untuk melahirkan kejayaan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya agar hasil yang diperolehi memuaskan.

Fungsi pengembangan (developmental) yang dijalankan ini adalah atas landasan untuk memajukan responden. Atas usaha yang dijalankan oleh responden berserta dengan Pembantu Kebajikan didapati adanya kemajuan dalam program-program yang dijalankan. Fungsi developmental yang kelihatan dalam kajian ini menunjukkan usaha-usaha yang dilakukan bertujuan membantu meninggikan mutu kehidupan yang sedia ada dengan bantuan ekonomi.

BAB 6

Kesimpulan

Keseluruhan kepada kajian ini dapat dirumuskan bahawa fungsi remedial merupakan fungsi yang utama dalam kes-kes ataupun program-program yang dijalankan oleh pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Slim River berbanding dengan fungsi developmental.

Berasaskan kepada kesimpulan di atas, tidak dapat dinafikan, sebanyak lima kes yang utama merupakan kes-kes remedial dan satu kes sahaja yang melibatkan developmental. Ringkasnya fungsi remedial meliputi 83%, dan fungsi developmental 17%. Sementara itu kesemua kes ini melibatkan bantuan kewangan 100% dan juga melibatkan khidmat nasihat sama ada secara langsung atau tidak, secara keseluruhannya

Berdasarkan kajian ini, juga didapati bantuan yang diberikan dianggap sebagai 'pencen' oleh penerima bantuan yang tidak mahu

berusaha untuk meninggikan taraf hidup mereka. Lantaran itu terdapat kes yang berterusan sehingga berlarutan selama dua puluh tahun ataupun sehingga kepada kematian pihak yang menerima bantuan. Ketidak fahaman kepada fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri menyebabkan pihak yang terlibat sukar untuk menembusi pemikiran 'pencen' oleh penerima bantuan yang sering kali mendesak dengan mempergunakan pelbagai saluran agar bantuan yang diberhentikan disambung semula.

Usaha-usaha remedial ini, banyak memperlihatkan kepada kita, bagaimana keadaan hidup keluarga yang menerima bantuan rata-rata terletak dibawah paras 'normal'. Rata-rata mereka mengalami kehidupan yang miskin, susah, pendapatan yang tidak tetap, cacat dan sebagainya. Semua keadaan yang sedemikian membawa kepada keadaan keluarga yang tidak menentu atau tidak stabil dengan keadaan anak-anak yang terbiar, orang tua yang tidak diambil peduli, kesihatan yang tidak menentu dan sebagainya. Walaupun dalam kajian ini tidak dinyatakan keadaan yang sedemikian, tetapi hasil pemerhatian pengkaji mendapati terdapat keluarga yang cuba melindungi keadaan hidup mereka yang sebenar.

Kepelbagaiannya masalah yang timbul dapat dirumuskan kepada satu iaitu masalah ekonomi. Secara keseluruhannya, 100% kes yang didapati, sama ada di bawah program remedial ataupun developmental, semuanya berhadapan dengan masalah ekonomi dan hala cara pemulihan juga hanya berlandaskan pencapaian ekonomi keluarga yang terlibat. Persolan bagaimana masalah ini wujud,

mempunyai pelbagai faktor, walau bagaimanapun dalam kajian ini faktor kematian turut menyumbangkan kepada timbulnya masalah ini.

Sementara itu, usaha-usaha developmental pula tidak diberi perhatian yang serius. Kesedaran terhadap pengembangan ini dipandang sepi kerana hanya satu kes sahaja yang melibatkan permohonan yang sedemikian rupa, yang merupakan 17% daripada keseluruhan kes yang dikaji. Keadaan yang sedemikian wujud kerana kesedaran terhadap fungsi developmental tidak diperkembangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada masyarakat umum.

Usaha-usaha ke arah developmental ini juga masih sempit skopnya. Apa yang terlihat, hanya usaha untuk mengembangkan atau menambahkan pendapatan dan seterusnya memperbaiki keadaan hidup hanyalah berlandaskan kepada ekonomi sahaja. Usaha untuk mengembangkan potensi masyarakat ke arah yang lebih dinamik masih jauh ketinggalan ke belakang dalam konteks kajian ini.

Seterusnya, didapati usaha remedial dan developmental ini, terletak dibahu Pembantu Kebajikan yang menjalankan tugas di peringkat paling bawah sekali. Laporan dan perincian yang diberikan oleh Pembantu Kebajikan menjadi landasan utama kepada kelulusan sesuatu kes. Kejayaan dan kegagalan sesuatu kes juga bergantung kepada sejauh mana tindakan yang diambil oleh Pembantu

Kebajikan dalam merealisasikan program remedial dan developmental ini. Lantaran itu, didapati Pegawai Kebajikan hanyalah sebagai peneliti kepada laporan yang diterima daripada Pembantu Kebajikan sahaja.

Apabila ditinjau proses kelulusan sesuatu kes pula didapati, sebenarnya, sesuatu kelulusan terpaksa mengambil masa yang panjang iaitu bermula daripada mengemukakan permohonan dengan surat rasmi. Pada dasarnya mengikut prosedur, surat yang diterima oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat perlulah dijalankan beberapa proses seperti temuduga, temurancang, lawatan ke rumah dan akhirnya menulis laporan kepada Pegawai Kebajikan untuk disemak dan di peringkat daerah dan seterusnya dihantar ke peringkat negeri untuk diluluskan. Ini kerana sumber kewangan datangnya daripada negeri. Setelah permohonan diluluskan baharulah dikembalikan ke peringkat daerah dan seterusnya kepada Pembantu Kebajikan Masyarakat.

Sementara itu juga tidak dinafikan, Pembantu Kebajikan Masyarakat mempunyai peranan utama dalam memahami pihak yang terlibat dan seterusnya memberi ruang kepada mana-mana pihak yang terlibat untuk memikirkan jalan yang terbaik untuk membantu diri sendiri dan Pembantu kebajikan hanyalah sebagai pembantu dalam usaha klien membuat keputusan sendiri iaitu:

1. Untuk menolong melihat masalah atau kehendaknya yang sebenar dengan cara yang lebih berkesan.

2. Untuk mendekati dan memperkenalkan kepada kemudahan dan sumber yang terdapat dalam masyarakatnya
3. Untuk memberi perangsang yang akan menimbulkan kesedaran kepada mereka tentang kebolehan yang terpendam agar cuba diamalkan secara positif.
4. Untuk mewujudkan keadaan persefahaman dan berbaik-baik dalam suasana hidup yang subur dan menyelesaikan masalah sendiri secara lebih berkesan dan berani.

Dalam usaha untuk memastikan semua kes berjalan lancar didapati Pembantu kebajikan menjalankan beberapa perancangan seperti rancangan pemulihian jangka pendek dan jangka panjang seperti dibawah:

Rancangan Jangka Pendek:

1. Mencadangkan skim bantuan yang sesuai dan disokong sepenuhnya seperti keperluan anggaran belanjawan.
2. Memastikan wang bantuan digunakan sepenuhnya bagi tujuan membaiki mutu kehidupan.
3. Melawat kes-kes di bawah seliaan sekerap yang mungkin.

Rancangan Jangka Panjang:

- 1 Berusaha/berkerjasama menjadikan responden sebagai individu yang berjaya.
- 2 Memajukan pendapatan supaya anggaran biaya keluarga RM 70.00 dapat diatasi setelah usaha memberikan bantuan berjalan lancar
- 3 Meningkatkan taraf sosial kehidupan keluarga ini ke tahap yang lebih memuaskan berbanding yang sedia ada..

6.1 Cadangan

1. Untuk memastikan kedua-dua fungsi ini difahami oleh masyarakat, iaitu fungsi remedial dan developmental, sewajarnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi penerangan kepada masyarakat bahawa yang utama dalam pembangunan sesbuah negara ialah fungsi developmental yang mengembangkan potensi masyarakat. Selagi kefahaman yang menebal terhadap fungsi remedial yang bersifat pertolongan sementara ini, tidak difahami oleh masyarakat, adalah sukar bagi Jabatan Kebajikan melaksanakan tugasnya dalam membentuk Bangsa Malaysia yang mampu berdikari.

Untuk memastikan dasar-dasar Jabatan kebajikan Masyarakat ini direalisasikan sepenuhnya, Pembantu Kebajikan seharusnya dilantik di kalangan mereka yang bertauliah dalam kerja-kerja sosial. Ini kerana seliaan kerja kes oleh Pembantu Kebajikan tidak mencakupi usaha-usaha developmental secara menyeluruh.

Peranan agensi-agensi kerajaan atau swasta perlu dipergiatkan lagi dalam usaha membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat menghadapi masalah sosial yang kian bertambah sama ada dengan bantuan teknikal ataupun kewangan.

Akhirnya, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa fungsi remedial merupakan fungsi utama dalam program yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah kerana dasar jabatan yang masih belum diperluaskan lagi terutama yang berkaitan dengan usaha-usaha developmental. Kejayaan dan kegagalan program remedial dan developmental ini banyak bergantung kepada Pembantu Kebajikan yang menjalankan tugas diperingkat dasar dan kementerian diperingkat pusat.

BIBLIOGRAFI

- A.E. Percival, *The War in Malaya*, Orient Private Ltd. Madras, 1957.
- Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah, Perak
- Beverly, David P. *Social Welfare and Social Justice*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall, 1987
- Buku Taklimat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Darul Ehsan, 1988,
- Buku Cenderamata Minggu Kebajikan Negara, Pusat Penyelidikan, Kuala Kubu Bharu
- Crampton H. M and Keiser K. K, *Social Welfare :Institution and Process*. New York: Random House, 1970.
- Che Som Daut, Melaka 1945-48 Yang lain daripada Malayan Union, Latihan IlmiahJabatan Sejarah, UKM Bangi, 1973.
- Social and Welfare Department: Department Report: Jabatan Kebajikan Masyarakat, No., Fail. 60/62., Arkib Negara. Kuala Lumpur.
- DiNitto, Diana M. *Social Welfare: Politics and Public Policy*. (2nd. ed.) Englewood Cliffs N.J. : Prentice-Hall, 1987
- Friedlander A.Walter and Apte Z. Robert, *Introduction to Social Welfare* (Fourth Edition) Englewood Cliffs, N.J. : Prentice Hall, 1974.
- Gore, M.S., *Social Work and Social Education*. Bombay: Asia Publishing House, 1966
- Jones, Kathleen, *Social Welfare in Malaya*. Singapore: D. Moore, 1958

Kadushin Alfred *Child Welfare Services*, (Third Edition) Macmillan Publishing Co. Inc., New York, 1980.

_____, *The Social Work Interview*. New York: Columbia University Press, 1972

Kennet Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, (terj. Hashim Awang), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Laporan Tahunan 1980, Kementerian Kebajikan Am

Laporan Tahunan 1982, Kementerian Kebajikan Am.

Laporan Tahunan 1988, Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Laporan Tahunan 1990, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Morales Armando and Bradford W. Sheafor, *Social Work: A Profession of Many Faces*, (Firth Edition) Boston, Mass, : Allyn and Bacon, 1989.

Mohamed Hj. Sulaiman, Focus on ex-Social Worker, *Jurnal Kebajikan Masyarakat Vol. 2. Disember 1988*, .

Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984

Pusi'c, Eugen, *Social Welfare and Social Development*. The Hague, Mouton, 1972

Pita rakaman untuk bilik maklumat, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur.

Romanyshyn, John M. *Social Welfare: Charity to Justice*. (1st ed.) New York, Random House 1971

R.K. Vasil: *The Malaysian General Election of 1969*, Singapura, Oxford Uni. Press 1972.

Shankar Pathak, *Social Welfare - An Evolutionary an Developmental Perspectice*, Delhi, Macmillan, 1981.

Sejarah Penubuhan Kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan, Arkib Negara,Kuala Lumpur.

Younghusband, Eileen, *Social Work and Social Change*. London: G. Allen & Unwin, 1964

Wan Azmi Ramli, *Dasar Sosial di Malaysia*, Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise 1982.

_____, *Dasar Sosial di Malaysia*, Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise, 1982.

_____, *Masyarakat Satu Kajian Ilmiah dalam Konteks Kebajikan Am*, Kuala Lumpur, Utusan Publications, 1978.

_____, *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*, Kuala Lumpur, Utusan Publications 1992.


Witner, Helen L. *Social Work: An Analysis of a Social Institution*. New York: Farrar & Rinehart, 1942

LAMPIRAN

Lampiran 1


Carta Organisasi 1993

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
Batang Padang, Tapah
Perak Darul Ridzuan



Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Tapah


GNIATION.
DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE.



SUMBER: LAPORAN TAHUNAN 1948

DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE


CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM



SUMBER: LAPORAN TAHUNAN 1980
KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT*

LAMPIRAN 4




* Sebelum Oktober 1990

LAMPIRAN

LAMPIRAN 5

CARTA ORGANISASI
JABATAN KEAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
(28.3.1991)




SUMBER: LAPORAN TAHUNAN 1991

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

**CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT MULAI 28 MAC 1991**

LAMPIRAN 5(1)



Dasar Kebajikan Masyarakat Negara

1. Matlamat

" Masyarakat sejahtera dan teguh untuk kemajuan negara"

2. Tujuan

Untuk mewujudkan masyarakat yang :

Bersemangat Berdikari
Menikmati Peluang yang sama
Mengamalkan Budaya Ikram

3. Strategi

Membangunkan Potensi manusia ketahap optimum serta meningkatkan daya ketahanan masyarakat untuk menghadapi cabaran kemasyarakatan semasa.

Mewujudkan berbagai-bagai kemudahan supaya dapat meningkatkan tahap keupayaan untuk kemajuan diri dan kelompok.

Membina dan memupuk semangat tolong menolong, bantu-membantu untuk mengukuhkan budaya ikram.

4. Strategi Khusus

4.1 Pembangunan Potensi Manusia.

Norma dan nilai hidup berkomuniti yang positif diberikan tumpuan sebagai asas sokongan dan jagaan dalam komuniti.

Kemahiran hidup sebagai asas pembelajaran untuk meningkatkan ketahanan diri

Asas utama dalam penyelesaian berbagai-bagai masalah sosial diberikan tumpuan pada pembangunan potensi individu dan kelompok.

Institusi sosial diperkuuhkan dan diperkembangkan untuk memainkan peranan sokongan bagi jagaan, bimbingan dan kemahiran hidup untuk kesejahteraan ahli-ahlinya.

4.2 Peningkatan Penyamaan Peluang

Berbagai-bagai jenis kemahiran di pertingkat, diperpesat dan dipergiat untuk memajukan diri serta menambahkan daya penyesuaian terhadap suasana persekitaran.

Infrastruktur sosial dan perundangan diwujudkan bagi penglibatan aktif individu dan kelompok dalam kegiatan komuniti.

Berbagai-bagai kemudahan dalam masyarakat diwujudkan untuk mengurangkan rintangan yang menghalang kemajuan golongan tertentu.

Polisi dan program yang inovatif diwujudkan supaya setiap anggota masyarakat dapat dibantu agar mereka dapat hidup dengan lebih produktif.

4.3 Budaya Tolong Menolong

Kesedaran, minat dan semangat budaya tolong menolong disemai dan dipupuk di semua peringkat masyarakat , khususnya di kalangan anak muda.

Kegiatan bergotong royong dipertingkat dan diperluaskan untuk kebajikan masyarakat.

Tatasusila dan disiplin diri yang sempurna dipupuk bagi masyarakat seluruhnya untuk meningkatkan hubungan kemasyarakatan.

Berbagai-bagai sumber komuniti diadakan untuk membantu golongan tertentu.

5. Pelaksanaan

Setiap individu dan kelompok, pertubuhan sukarela, masyarakat tempatan agensi kerajaan dan organisasi swasta perlu menghayati serta menyumbangkan fikiran yang kreatif dan mengamalkan peranan aktif secara menyeluruh di semua peringkat dunia antaranya:

Diperlukan usaha sama antara individu dan kelompok, pertubuhan sukarela, masyarakat tempatan, agensi kerajaan dan organisasi swasta untuk menggunakan sepenuhnya sumber komuniti yang terdapat didalam masyarakat .

Diperlukan hubungan bersepada dikalangan agensi yang terlibat dalam kebijakan masyarakat untuk faedah yang maksimum.

Pekerja sosial dilengkapkan dengan berbagai-bagai pengetahuan dalam bidang pembangunan manusia serta kemahiran kerja sosial untuk meningkatkan tahap prestasi kerja.

Diperlukan kepimpinan yang berkesan dan kawalan kerajaan bagi penubuhan dasar serta perkembangan dalam bidang kebijakan masyarakat melalui penyelarasan semua aktiviti dan penyelengaraan piawaian minimum.

Diperlukan peningkatan program penyelidikan sebagai asas penting dalam pembentukan dasar sosial, pengwujudan program baru serta penilaian program yang sedia ada.

Diperlukan pengukuhan semangat bersepada dikalangan pertubuhan sukarela untuk kemajuan kebajikan masyarakat.

Sumber: (Buku kecil, Kebajikan Masyarakat Malaysia)

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

